



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMIKIRAN POLITIK DALAM KARYA BURHANUDDIN AL HELMI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ZABIDIN BIN ISMAIL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH


PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 12 (hari bulan) Sept (bulan) 2018

i. Perakuan pelajar :

Saya, ZABIDIN BIN ISMAIL, P2014 2002523 INSTITUT PERADABAN MELAYU (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMIKIRAN POLITIK DALAM KARYA BURHANUDDIN AL HELMI

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan seelasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PM DATO' PADUKA PR MOHD ROSLI BIN SALUDIN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMIKIRAN POLITIK DALAM KARYA BURHANUDDIN AL HELMI

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah


DOKTOR FALSAFAH (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

12-9-2018

Tarikh


Tandatangan Penyelia

PM Dato' Paduka
Dr. Mohd Rosli Saludin
Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
UPSI Tg. Malim, Perak.



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

PEMIKIRAN POLITIK DALAM KARYA
BURHANUDDIN AL HELMI

No. Matrik / Matric's No.:

P20142002523

Saya / I:

ZABIN BIN ISMAIL

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 12-9-2018

Pm Dato' Paduka
Dr. Mohd Rosli Saludin
Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
UPSI, Malim Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMIKIRAN POLITIK DALAM KARYA
BURHANUDDIN AL HELMI

ZABIDIN BIN ISMAIL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
PERADABAN MELAYU

INSTITUT PERADABAN MELAYU
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

*Bismi'I-Lahir'r-Rahmani'Rahim
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

Saya mengucapkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, atas limpah dan kurnia-Nya yang memberikan kekuatan dan ketabahan kepada saya sehingga dapat menyiapkan tesis ini dalam tempoh waktu yang ditetapkan oleh pihak universiti.

Sejambak penghormatan dan jutaan terima kasih ditujukan khas kepada Y.Bhg. Dato' Paduka Prof Madya Dr Rosli Bin Saludin, Pensyarah Kanan Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tanjong Malim, Perak selaku penyelia pertama yang telah sudi meluangkan waktu untuk menyemak, memeriksa dan memberikan tunjuk ajar yang sangat berguna lagi bermakna serta bermurah hati pula meminjamkan beberapa buah buku sebagai bahan penting untuk kegunaan kajian ini. Penghargaan yang sama juga dihulurkan kepada Allahyarham Prof Madya Dr Talib Bin Samat, mantan Pensyarah Kanan Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI selaku penyelia kedua yang sempat beberapa waktu membimbing saya menjalankan kajian ini sebelum arwah meninggal dunia pada 14 April 2016. Tidak lupa juga diucapkan jutaan terima kasih kepada Pengarah Institut Peradaban Melayu, UPSI, Prof Madya Dr Azhar Bin Wahid dan Prof Madya Dr Abdul Halim Bin Ali, Pensyarah Kanan Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI kerana membimbing dan memberikan pandangan berguna dalam memantapkan penyelidikan ini.

Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan sekalung budi kepada bonda tersayang, Hajah Habshah Binti Haji Ismail yang sentiasa mendoakan kejayaan saya dan isteri tercinta, Puan Rashidah Binti Rashid yang sangat mengerti erti perjuangan serta sanggup berkorban dalam pelbagai aspek demi kejayaan penyelidikan ini. Jazakallah Khairan Kathira.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemikiran politik dalam karya-karya Burhanuddin Al Helmi. Secara khususnya, kajian ini menggunakan Teori Perjanjian Kemasyarakatan oleh Thomas Hobbes, John Locke dan J.J Rousseau serta gabungan metodologi analisis isi kandungan dan penyelidikan kepustakaan terhadap sampel kajian iaitu enam buah buku karya Burhanuddin Al Helmi iaitu *Perjuangan Kita* (Jawi), *Falsafah Kebangsaan Melayu* (Jawi), *Agama dan Politik* (Jawi), *Pidato Sambutan Kongres Parti Rakyat*, *Ideologi Politik Islam* dan *Islam dan Sosialisme*. Kerangka analisis kajian telah direka bagi mencerakin dan menganalisis data. Hasilnya, kajian ini telah menemukan pemikiran politik yang terbahagi kepada tiga aspek utama iaitu nasionalisme Melayu, antikolonialisme dan pembentukan negara-bangsa. Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa ketiga-tiga aspek pemikiran politik tersebut merupakan teras perjuangan politik Burhanuddin Al Helmi dalam membebaskan tanah air daripada belenggu penjajahan. Implikasinya, kajian ini berupaya membangkitkan semangat patriotisme khalayak sasaran serta menjadi bahan rujukan penting terhadap penyelidikan tentang aliran pemikiran politik bangsa Melayu di Malaysia.





POLITICAL THOUGHTS IN BURHANUDDIN AL HELMI'S WRITINGS

ABSTRACT

The purpose of this study was to identify political thoughts in Burhanuddin Al-Helmi's writings. Specifically this study made used the Social Contract Theory by Thomas Hobbes, John Locke and Jean-Jacques Rousseau and the combined methods of content analysis and library research on his writing such as *Perjuangan Kita* (Jawi), *Falsafah Kebangsaan Melayu* (Jawi), *Agama dan Politik* (Jawi), *Pidato Sambutan Kongres Parti Rakyat*, *Ideologi Politik Islam* and *Islam dan Sosialisme*. The research analysis framework was used to synthesis and analyze data. The findings have shown that the three major political aspects such as Malay nationalism, anti-colonialism and nation state were thoroughly discussed in his writings. In conculation, this study found that the three aspects were Burhanuddin Al Helmi's political thoughts to achieve country's independence from colonialism. Thus, implication of these findings could instill the spirit of patriotism as well as important resource material for research on the flow of Malay political thoughts.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
SENARAI KEPENDEKAN	xv
 BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	9
1.3 Objektif Kajian	26
1.4 Soalan Kajian	26
1.5 Kepentingan Kajian	27
1.6 Batasan Kajian	28
1.6.1 Perjuangan Kita	29
1.6.2 Falsafah Kebangsaan Melayu	30
1.6.3 Agama dan Politik	32
1.6.4 Ideologi Politik Islam	34



1.6.5	Pidato di Kongres Parti Rakyat	35
1.6.6	Memperjuangkan dan Mengisi Kemerdekaan	36
1.7	Sorotan Tentang Dr Burhanuddin Al Helmi	36
1.7.1	Latar Belakang dan Pendidikan	39
1.7.2	Keperibadian	45
1.7.3	Zaman Perjuangan	49
1.7.4	Korelasi Pengarang dengan Pemikiran Politik	57
1.7.5	Sikap dan Idealisme Politik	58
1.8	Definisi Operasional	62
1.8.1	Pemikiran Politik	63
1.8.2	Politik Islam	65
1.8.3	Teks Sosial atau Teks Luaran	67
1.8.4	Nasionalisme	68
1.8.5	Asabiyyah	69
1.8.6	Antikolonialisme	71
1.8.7	Sosialisme	72
1.8.8	Negara-Bangsa	73
1.8.9	Melayu Raya	74
1.8.10	Demokrasi	78
1.9	Kesimpulan	79

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	81
2.2	Sorotan Kajian Lepas	82
2.2.1	Dalam Negara	85
2.2.1.1	Tesis Ph.D	86
2.2.1.2	Tesis M.A	88
2.2.1.3	Jurnal	88
2.2.1.4	Buku-buku	89
2.2.1.5	Kertas Kerja / Esei	99

2.2.2	Luar Negara	103
2.2.2.1	Tesis Ph.D	105
2.2.2.2	Tesis M.A	108
2.2.2.3	Jurnal	109
2.2.2.4	Kertas Kerja /Esei	111
2.3	Kesimpulan	113

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	115
3.2	Reka Bentuk Kajian	115
3.2.1	Kaedah Analisis Isi Kandungan atau <i>Content Analysis</i>	116
3.2.2	Sumber Data Kajian	118
3.2.2.1	Pembinaan Angkubah dan Pemungutan Data	118
3.2.2.2	Kerangka Analisis	119
3.2.2.2.1	Aspek Analisis Utama I	121
3.2.2.2.2	Aspek Analisis Utama 2	130
3.2.2.2.3	Aspek Analisis Utama 3	135
3.2.3	Analisis Data	140
3.2.4	Laporan Kajian	141
3.2.5	Kaedah Penyelidikan Kepustakaan	142
3.3	Kerangka Teori	144
3.3.1	Teori Perjanjian Kemasyarakatan	145
3.3.1.1	Latar Belakang Teori	145
3.3.1.2	Justifikasi Pemilihan Teori	152
3.3.2	Teori Bantu	154
3.4	Hala Tuju Kajian	158
3.5	Kesimpulan	162

BAB 4 NASIONALISME MELAYU

4.1	Pengenalan	163
-----	------------	-----

4.2	Pemikiran Nasionalisme di Tanah Melayu	165
4.3	Tahap dan Faktor-faktor Perkembangan Semangat Nasionalisme di Tanah Melayu	172
4.3.1	Hegemoni Kuasa British	180
4.4	Nasionalisme Melayu dalam Karya Dr Burhanuddin	182
4.4.1	Faham Kebangsaan	183
4.4.2	Melayu	186
4.5	Faham Kebangsaan dalam Konteks Nasionalisme Melayu	191
4.5.1	Pengertian Kebangsaan Melayu	195
4.5.2	Konsep Kebangsaan Melayu	197
4.5.3	Dasar Kebangsaan Melayu	201
4.5.4	Matlamat Kebangsaan Melayu	202
4.6	Islam dalam Konteks Nasionalisme Melayu	207
4.6.1	Perbandingan Asabiyyah dengan Nasionalisme Melayu	218
4.6.2	Kaitan Nasionalisme Melayu dengan Ideologi Politik Islam	227
4.6.3	Konsep Hubb al-Watan Min al-‘Iman atau Kewarganegaraan (<i>Nationality</i>)	237
4.7	Kemerdekaan dalam Konteks Nasionalisme Melayu	244
4.7.1	Cita-cita dan Niat Ke Arah Kemerdekaan	245
4.7.2	Aliran dalam Menuntut Kemerdekaan	247
4.7.3	Bantahan daripada Elit Melayu	251
4.7.4	Kesangsian Orang Cina Terhadap Nasionalisme Melayu	253
4.8	Kesimpulan	256

BAB 5 ANTIKOLONIALISME

5.1	Pengenalan	260
5.1.1	Faktor Kewujudan Antikolonialisme dalam Pemikiran Politik	269

5.2	Sorotan Kronologi Penjajahan di Tanah Melayu	272
5.2.1	Aksi Kolonial Portugis dan Belanda	274
5.2.2	Aksi Kolonial Inggeris	275
5.2.3	Aksi Kolonial Jepun	278
5.2.4	Aksi Gerakan Komunis	280
5.3	Penglibatan Politik Dr Burhanuddin Semasa Penjajahan Inggeris dan Jepun	290
5.4	Sorotan Pemikiran Politik Antikolonialisme dalam Persuratan Melayu Pra Merdeka	292
5.5	Pemikiran Politik Antikolonialisme dalam Karya Dr Burhanuddin	301
5.5.1	Antikolonialisme Terhadap Inggeris	303
5.5.2	Antikolonialisme Terhadap Jepun	308
5.5.3	Antikolonialisme Terhadap Komunis	318
5.6	Kesimpulan	326

BAB 6 NEGARA-BANGSA

6.1	Pengenalan	330
6.2	Pemikiran Negara-Bangsa di Malaysia	335
6.2.1	Bangsa Malaysia	337
6.3	Pemikiran Negara-Bangsa dalam Karya Dr Burhanuddin	340
6.3.1	Melayu Raya	341
6.3.1.1	Konsep Melayu Raya	349
6.3.1.2	Melayu Raya Bentuk Negara-Bangsa Tanah Melayu	354
6.3.2	Sosialisme	364
6.3.2.1	Sosialisme: Pandangan Dr Burhanuddin dari Sudut Islam	368
6.3.3	Demokrasi	372



6.3.3.1	Demokrasi Menurut Dr Burhanuddin dari Sudut Islam	375
6.3.3.2	Demokrasi dalam Permuafakatan Politik	379
6.4	Kesimpulan	383

BAB 7 KESIMPULAN DAN CADANGAN

7.1	Pengenalan	385
7.2	Rumusan	385
7.2.1	Pencapaian Objektif Kajian	386
7.2.2	Hasil Kajian Berdasarkan Soalan Kajian	391
7.3	Cadangan	396
7.4	Kesimpulan	398



RUJUKAN	399
----------------	------------

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Istilah Sains Politik, Pengertian dan Sifatnya	12
1.2 Senarai Sampel Kajian	29
2.1 Senarai Kajian Ilmiah dan Buku Tentang Dr Burhanuddin Al Helmi Terbitan dalam Negara	83
2.2 Senarai Kajian Ilmiah dan Buku Tentang Dr Burhanuddin Al Helmi Terbitan Luar Negara	104
3.1 Asas Pemikiran Dr Burhanuddin Al Helmi Menurut Kamaruddin Jaffar dan W Mohd Azam Mohd Amin	119
3.2 Kerangka Analisis Kajian	120
3.3 Pencerakinan Angkubah Nasionalisme dalam Karya Dr Burhanuddin Al Helmi	122
3.4 Pencerakinan Angkubah Antikolonialisme dalam Karya Dr Burhanuddin Al Helmi	131
3.5 Pencerakinan Angkubah Negara Bangsa dalam Karya Dr Burhanuddin Al Helmi	136
3.6 Kaedah Kajian	144
3.7 Teori Perjanjian Kemasyarakatan Versi 1 (Thomas Hobbes)	148
3.8 Teori Perjanjian Kemasyarakatan Versi 2 (John Locke)	150
3.9 Teori Perjanjian Kemasyarakatan Versi 3 (Jean Jaques Rousseau)	151
4.1 Tahap Perkembangan Nasionalisme Melayu di Tanah Melayu (Malaya)	173



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran

Muka Surat

A	Glosari Kajian	415
B	Gambar Burhanuddin Al Helmi	423
C	Gambar Kulit Buku (sampel kajian)	424



**SENARAI KEPENDEKAN**

AAU	Aspek Analisis Utama
AMCJA	<i>All Malaya Council for Joint Action</i>
API	Angkatan Pemuda Insaf
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
BMA	<i>British Military Administration</i>
BPA	Barisan Pemuda Melayu
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DR	Dewan Rakyat
DUN	Dewan Undangan Negeri
FKM	Falsafah Kebangsaan Melayu
FSRM	Front Sosialis Rakyat Malaya
HM	Hizbul Muslimin
HHT	Hikayat Hang Tuah
IKDAS	Institut Kajian Dasar
ISA	Internal Security Act
JWW Birch	James Wheeler Woodford Birch
KAI	Ketua Agama Islam
KITA	Gerakan Tanah Air
KL	Kuala Lumpur
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KMS	Kesatuan Melayu Singapura
KRIS	Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung





LEPIR	Lembaga Pendidikan Rakyat
M.A	Ijazah Sarjana
MATA	Majlis Islam Tertinggi Se-Malaya
MCKK	Maktab Melayu Kuala Kangsar
MCP	Malayan Communists Party
MPAJA	<i>Malayan People Anti Japanese Army</i>
MPSF	<i>Malayan People Socialist Front</i>
MU	<i>Malayan Union</i>
NASAKOM	Nasionalisme, Islamisme dan Marxisme
NNMB	Negeri-negeri Melayu Bersekutu
NNMTB	Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu
PAMUR	Parti Rakyat Murba
PAS	Parti Islam SeMalaysia
PASPAM	Persaudaraan Sahabat Pena
PBM	Parti Buruh Malaya
PD1	Perang Dunia Pertama
PDII	Perang Dunia Kedua
PEKEMAM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PEPERMAS	Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya
PETA	Pembela Tanah Air / <i>Malai Giyu Gun</i>
Ph.D	Ijazah Doktor Falsafah
PKC	Parti Komunis China
PKI	Parti Komunis Indonesia
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PKN	Parti Komunis Nanyang
PNI	Parti Nasionalis Indonesia





PR	Perlembagaan Rakyat
PRM	Parti Rakyat Malaya
PROF.	Profesor
PRSM	Parti Sosialis Rakyat Malaysia
PRU	Pilihan Raya Umum
PSM	Persatuan Semenanjung Malaya
PTM	Persekutuan Tanah Melayu
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
SC	<i>Special Constable</i>
SF	<i>Socialist Front</i>
SHTI	Sharikat Hindia Timur Inggeris
SITC	<i>Sultan Idris Training College</i>
TPK	Teori Perjanjian Kemasyarakatan (<i>The Social Contract Theory</i>)
UM	Universiti Malaya
UMNO	<i>United Malays National Organization</i>
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	Universiti Sains Malaysia
VOC	<i>Verenigde Oost-Indische Compagnie</i>
3G	<i>Gold, Glory and God</i>





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian ini dijalankan untuk mengesan dan menganalisis pemikiran politik Dr Burhanuddin Al-Helmi salah seorang nasionalis berhaluan kiri (Mohammad Muzammil Mohamad Noor 2015:19) dan ahli politik yang terkemuka dalam sejarah politik Malaysia (Muzammil 2015:1), penulis buku-buku yang mengandungi pemikiran politik (Ismail Said 2008: 9), berpelajaran tinggi terutama dalam bidang agama Islam (Roslan Saadon 2009: 198) dan Ramlah Adam 1994:193) di samping terlibat dalam menggubal perlembagaan Malaya Merdeka (Roslan Saadon 2009: 178).

Beliau juga merupakan seorang tokoh politik pra merdeka yang mempelopori dalam menentang ideologi rasisme yang sekarang menjadi akar umbi kepada sistem politik Malaysia dan ideologi parti pemerintah (Farish A. Noor 2004:53 dan Kamarudin Jaffar 2000: 13).





Dalam konteks penyelidikan ini, pengkaji menggunakan gelaran ‘Doktor’ (Dr.) kerana beliau adalah seorang pengamal dan lulusan doktor perubatan homeopati, memegang ijazah doktor falsafah (Ph.D) serta beberapa ijazah doktor kehormat dan pengiktirafan lain. Beliau turut bergelar ‘profesor’ kerana menerima pengiktirafan dari sebuah universiti dari Yogyakarta dan memperolehi anugerah gelaran dari badan homeopati antarabangsa (Wan Mohd Azam Mohd Amin 1997:60-61 dan Ramlah Adam 1996: 9).

Penyelidikan ditumpukan terhadap pemikiran politik, kegiatan nasionalisme, perjuangan kemerdekaan, politik, ideologi Islam serta ketokohan beliau dalam memimpin parti politik semasa zaman penjajahan iaitu pemerintahan British dan Jepun hinggalah Malaysia mencapai kemerdekaan. Namun begitu teras analisis tidak lari daripada mengupas atau membincangkan pemikiran politik beliau.

Pemikiran politik ialah falsafah atau gagasan sebagai peraturan pemerintahan sesebuah negara (Saliha Hassan 1998: 1-2). Ia menjadi lebih penting kepada ahli-ahli politik untuk mengetahui dan mendalami ilmu siasah sebelum melangkah untuk menceburi arena politik kerana matlamat akhir berpolitik ialah mendapatkan kuasa. Politik ialah kuasa dan kuasa pula adalah pemerintahan negara. Mengenai kuasa, K. Ramanathan (1998:79) menyimpulkan seperti berikut;

Kuasa ialah pengaruh, hak mutlak seseorang berhubung dengan kuasa pemerintah. Keupayaan untuk menyelesaikan masalah, melaksanakan sesuatu dasar juga mempengaruhi ketaat-setiaan rakyat. Kuasa juga bermaksud pengaruh, kawalan dan penyatuan yang berkait rapat antara satu sama lain. Boleh dikatakan kuasa ialah sesuatu yang boleh mempengaruhi tingkah laku orang lain. Orang yang membuat sesuatu itu tertakluk kepada sesuatu tindakan. Kuasa boleh dianggap suatu





kebolehan memaksa orang lain berbuat sesuatu ataupun untuk menjayakan sesuatu rancangan mengikut naluri seseorang walaupun mereka enggan. Ia juga boleh dikatakan satu kepercayaan yang berpunca daripada hak dan kedudukan untuk mengawal tabiat dan kelakuan masyarakat secara langsung atau tidak langsung. Secara keseluruhannya, maksud kuasa ialah kebolehan menyatakan sesuatu dan memaksa untuk berbuat sesuatu kerana takutkan kuasa. Jika seseorang mempunyai kuasa dia berupaya menyelesaikan masalah atau konflik dan taat pada satu-satu keadaan.

Konsep kuasa penting dalam apa sahaja kegiatan politik. Politik bagi semua ahli teori sains politik ialah kegiatan manusia yang membabitkan unsur kuasa, pemerolehan kuasa, pengagihan kuasa, penggunaan dan penyalahgunaan kuasa serta kewibawaan kuasa. Kuasa bukan sekadar konsep penting dalam politik, tetapi ialah konsep utama disiplin politik. Kuasa sebagai hasil pengaruh yang diinginkan ialah jentera politik yang menggerakkan segala kegiatan politik (Jeniri Amir 2005:3).



Justeru konsep kuasa dan politik itu secara teorinya terkandung dalam sesuatu falsafah atau pemikiran politik yang merupakan bahan intelektualisme individu atau harta intelek yang boleh disifatkan sebagai formula dalam mencorak serta mengaturkan kelangsungan nasib bangsanya (V.D Mahajan 2003: 206-207).

Sehubungan itu, pemikiran politik merupakan garis-pandu dalam membina negara bangsa yang merdeka dan berdaulat. Justeru falsafah atau pemikiran politik itu dijaja atau dikemukakan kepada khalayak (rakyat) untuk difahami dan seterusnya diperjuang dan dipraktikkan bersama-sama bagi mencapai sesuatu matlamat yang telah digariskan di dalamnya (Kamarudin Jaffar 2000:17).





Proses penyebarannya pula bukan hanya menerusi komunikasi politik seperti ucapan, ceramah, penyebaran risalah mahupun kempen-kempen tetapi juga melalui hasil penulisan sama ada dalam bentuk ilmiah atau non-kreatif mahupun karya kreatif seperti novel, cerpen, skrip drama atau puisi kerana *platform* atau *medium* penulisan amat berkesan berbanding kaedah komunikasi politik yang lain selaras dengan keyakinan orang Melayu seperti dalam pepatahnya berbunyi; mata pena itu lebih tajam daripada mata pedang (Cangara 2009:15-18).

Setiap karya penulisan itu mengandungi pelbagai mesej atau amanat. Mesej pula disampaikan dengan berbagai-bagai teknik dan gaya penulisan sama ada berbentuk naratif atau deskriptif menerusi *medium* buku ilmiah, semi-ilmiah, umum atau karya sastera (S. Othman Kelantan 1997: 8). Dalam konteks kajian ini, mesej yang dianalisis ialah pemikiran politik yang terkandung dalam karya-karya Dr Burhanuddin, seorang pejuang politik dan nasionalis zaman pra merdeka yang terkenal dalam sejarah politik di negara ini.

Beliau berpengalaman luas dalam politik, pernah meraih kejayaan dan menerima kegagalan dalam perjuangan politik dan kemerdekaan di Tanah Melayu¹, sekali gus menjadi rencah dan asam garam gelombang gerakan politik beliau yang tidak pernah jemu, bosan dan berputus-asa demi memperjuangkan kedaulatan agama dan kepentingan bangsa Melayu (Kamarudin 2000: 15).

Sehubungan itu, hasil kajian ini diharap dapat dijadikan bahan bacaan dan rujukan kepada pengamal-pengamal politik bagi mendalami pengetahuan tentang

¹ Istilah “Tanah Melayu” dikenali sebagai “Malaya” dan kajian ini merangkumi juga pulau Singapura.





terma-terma politik seperti demokrasi, nasionalisme, antikolonialisme, sosialisme, demokrasi, kapitalisme, politik Islam, negara-bangsa (*nation-state*) dan sebagainya.

Dr Burhanuddin banyak mengarang buku dan korpus pemikiran politik adalah mesej utama yang terkandung di dalam karya-karya beliau (W Mohd Amin 1997: 68-69). Pemikiran politik yang dikemukakan nyata sekali berteraskan agama Islam dan disesuaikan dengan budaya serta kehendak masyarakat Melayu kerana bangsa Melayu di Tanah Melayu (kini Malaysia) pada waktu karya dinukilkan sekitar tahun 1940-an sinonim dengan *trademark* iaitu “Melayu itu Islam” dan “Islam itu Melayu” walaupun hakikatnya, agama Islam tidak hanya kepunyaan bangsa Melayu tetapi ia milik semua bangsa di dunia ini kerana agama Islam bersifat universal (Siddiq Fadzil 2012: 32).



untuk menyelesaikan masalah politik kontemporari sekali gus mengangkat maruah bangsa Melayu, politik Melayu dan agama Islam dalam perjuangan kebangsaan yang menurut ahli sejarah Malaysia, Ramlah Adam menyebut bahawa Dr Burhanuddin adalah tokoh sayap kiri yang tuntas memperkenalkan idea kebangsaan Melayu (*Malay Nationalism*) sebagai asas perjuangan politiknya. Kata Ramlah;

“Dr Burhanuddin menggunakan Islam sebagai asas ideologinya tercetus sejak beliau cuba menegakkan satu teori tentang hubungan Islam dengan kebangsaan dalam bukunya *Falsafah Kebangsaan Melayu*. Dalam bukunya itu, beliau cuba menunjukkan bahawa Islam melihat kebangsaan iaitu sifat yang mencintai bangsa dan tanah air itu adalah sesuatu yang dituntut oleh Islam. Kebangsaan baginya adalah alat untuk mencapai kesempurnaan kepada Islam itu. (1996:244)





Melalui politik partisan, Dr Burhanuddin memperjuangkan Islam sebagai satu ideologi bagi negara yang baru merdeka dengan menggunakan sistem perundangan Islam yang dituntut oleh hukum syarak. Menurut pandangan Dr. Burhanuddin, selain agama Islam sebagai pegangan hidup, beliau turut memberi keyakinan bahawa agama itu juga merupakan satu bentuk ideologi politik bagi ummah dan seterusnya dijadikan sebagai ‘alat untuk mencapai semangat kebangsaan’ dalam perjuangan menuntut kemerdekaan.

Justeru dalam bukunya, *Falsafah Kebangsaan Melayu* (FKM) (1954a), beliau membicarakan ideologi Islam sebagai perjuangan dan semangat kebangsaan secara mendalam yang merupakan satu teori. Antara perkara yang terkandung dalam penulisannya itu ialah setiap bangsa harus mencintai tanah air dan agama serta berusaha untuk mencapai kesempurnaan kehidupan.

Namun begitu, Dr. Burhanuddin menegaskan bahawa bagi menjaga bangsa dan negara, harus ditolak pengertian asabiyyah yang sempit tetapi memahami pengertian kebangsaan yang luas. Terminologi asabiyyah yang bererti mencintai dan mengangkat bangsa sendiri tidak salah dalam Islam kerana termasuk dalam konsep hubungan antara makhluk atau manusia (*hablumminannas*) tetapi yang dilarang oleh Islam ialah asabiyyah jahiliyyah yang taksu dan mengutamakan bangsanya sendiri, pada waktu yang sama menindas dan menzalimi bangsa lain (W.Mohd Azam 1997:1270).

Pemikiran politik Dr Burhanuddin iaitu FKM yang berteraskan Islam tetapi menolak fahaman asabiyyah jahiliyyah itu telah dikesani daripada buku-buku beliau





walaupun tidak dinafikan bahawa keterlibatannya dalam kegiatan politik juga mempamerkan idealisme yang serupa. Idealisme politik yang diutarakan bukan hanya terakam dalam buku-bukunya sebagai teori sahaja tetapi beliau sedaya upaya cuba mempraktikkan dalam kegiatan politik yang diceburinya.

Ramai tokoh politik memiliki falsafah sendiri dalam politik tetapi tidak menggunakan genre penulisan sebagai *medium* penyebaran gagasan itu. Kebanyakan mereka menggunakan komunikasi politik dalam menyebarkan idealisme kepada khalayak masing-masing. Namun begitu, bagi Dr Burhanuddin, beliau menulis idealismenya dalam karya non-kreatif, kemudian idea atau mesej politik itu disebarkan kepada masyarakat.



disokong oleh tokoh-tokoh nasionalis seperti Ahmad Boestamam, Ibrahim Hj. Yaakob dan Ishak Hj. Muhammad (Pak Sako) dengan berjuang bersungguh-sungguh untuk merealisasikan idea tersebut termasuk dalam konteks gagasan *Melayu Raya* (Siddiq Fadzil 2012: 153).

Ramai pengkaji sejarah politik tanah air berpendapat bahawa Dr Burhanuddin adalah satu-satunya tokoh politik Malaysia yang mampu mencetuskan pemikiran politik sewaktu masih bergiat aktif dalam politik serta gerakan semangat kebangsaan di Tanah Melayu (Kamarudin Jaffar 2000:viii).

Justeru Saliha Hj. Hassan (1974:2) menyebut bahawa Dr. Burhanuddin sebagai seorang tokoh nasionalis Melayu (*The Ideals of a Malay Nasionalist*) yang





membenci penjajah Inggeris walaupun pada masa yang sama pejuang aliran kanan berkompromi dengan Inggeris demi mendapatkan kemerdekaan percuma daripada penjajah tersebut.

Bagi pengkaji sejarah politik yang lain pula menyatakan bahawa tokoh ini sepatutnya disanjung dan seterusnya diangkat sebagai wira bangsa. Di antara mereka yang mencadangkan itu ialah Ahmad Boestamam sendiri dalam bukunya *Dr. Burhanuddin: Putera Setia Melayu Raya*, Kamaruddin Jaffar (*Burhanuddin al-Helmy: Pemikiran dan Perjuangan*), W. Mohd Azam Mohd Amin (*Antara 'asabiyyah dan Nasionalisme: Menurut Pandangan Dr. Burhanuddin al-Helmy*) dan Ismail Said (*Dr. Burhanuddin Al-Helmi Pejuang Melayu Sejati*). Mereka sepakat mengiktiraf Dr Burhanuddin bukan hanya tokoh politik terbilang tetapi merupakan pemikir politik Melayu Islam pertama di Nusantara.



Selain riwayat hidup, ketokohan beliau sebagai nasionalis serta pejuang kemerdekaan penting dirakamkan dalam karya penulisan tetapi legasi yang ditinggalkannya iaitu pemikiran politik atau idea politik juga penting dibicara, dianalisis serta dibukukan untuk rujukan generasi akan datang.

Secara keseluruhannya, kajian ini akan cuba memapar dan menganalisis pemikiran politik Dr Burhanuddin yang diperkenalkannya ketika berjuang menuntut kemerdekaan Tanah Melayu.

Idealisme politik Dr Burhanuddin seperti FKM dan gagasan *Melayu Raya* merupakan *chemistry* atau *catalyst* bagi meniupkan semangat kebangsaan dan





pejuangan yang kental kepada para pemimpin parti politik berhaluan kiri dan ia masih relevan dibincangkan hingga menjangkau masa hadapan.

1.2 Permasalahan Kajian

Pemikiran politik adalah lontaran idea seseorang tokoh atau pemikir politik untuk diketengahkan kepada masyarakatnya sebagai panduan untuk membentuk sebuah negara-bangsa (Saliha Hassan 1998: 3).

Di Eropah misalnya, terdapat ramai tokoh pemikir politik tersohor antaranya Plato (428-348 S.M). Hasil pemikiran politik beliau, buku *The Republic* dan *The Law* terhasil. Buku *The Republic* membicarakan persoalan negara yang *ideal* berdasarkan konsep keadilan (*justice*) manakala *The Law* pula membahaskan kepelbagaian kerajaan berperlembagaan yang terdapat dalam sistem negara kota di Yunani.

Di samping itu, Aristole (384-322 S.M) juga tokoh pemikir politik adalah anak didik Plato yang kemudiannya menjadi maha guru kepada penakluk agung, Iskandar Zulkarnain (*Alexander the Great*). Aristole memperkenalkan istilah *politik* menerusi bukunya, *Politica* yang menghuraikan bentuk institusi-institusi politik yang baik dan buruk mengikut pandangannya.

Ramai lagi tokoh yang dilahirkan oleh Barat seperti Harold D. Laswell, Robert A Dahl. Dalam era moden di Barat muncul pula Rousseau, Jefferson, Machievelli dan Jean Bodin (Perancis). Jika ditinjau di sebelah Timur, beberapa tokoh pemikir dalam kalangan bangsa dan keturunan tertentu sudah tersohor tentang pemikiran





politik mereka seperti Kungfu Tze (China), Mahatma Ghandi (India) dan Iqbal (Pakistan).

Dalam dunia Islam, wujud juga pemikir politik antaranya Imam al-Mawardi, Imam al-Ghazali, Ibn Jama'ah dan Ibn Taimiyyah. Mereka ini adalah perintis pemikiran politik Islam yang berorientasikan syariah atau *syaria'ah trend* manakala pelopor yang berorientasikan falsafah atau *philosophical trend* terdiri dari Al-Farabi, Ibn Sina, Ibn Rushd dan Ibn Khuldun. Kesemua ahli falsafah ini berusaha untuk menggabungkan ilmu sains politik dengan falsafah Islam.

Kewujudan pemikiran politik Islam moden bermula selepas pembubaran sistem khalifah, berikutan kemaraan penjajah Barat ke dunia Islam (Lukman Thaib 1999: 17). Justeru bagi menolak pengaruh penjajahan Barat, sarjana-sarjana Islam memikirkan semula pembentukan sistem politik di dunia Islam.

Usaha ini telah dimulakan oleh beberapa orang pemuka pemikiran politik Islam seperti Jamal al-Din al-Afghani, Muhammad Abduh, dan Muhammad Rashid Rida untuk mengolah sistem pemerintahan yang berasaskan prinsip-prinsip Islam bagi menggantikan sistem negara bangsa yang wujud pada zaman ini di dunia Islam.

Sehubungan itu, pengkaji mendapati tidak terdapat walaupun seorang pemikir politik yang mempelopori pemikiran politik baharu di alam Melayu, khususnya di Malaysia (negara yang dianggap mewakili dunia Melayu) kecuali Dr Burhanuddin Al-Helmi. Tokoh politik ini begitu yakin dan berani memperkenalkan idea politik beliau di tanah airnya, Tanah Melayu. Buku-buku karya beliau seperti





FKM, Sejarah Perjuangan kita, Agama dan Politik, Ideologi Politik Islam dan sebagainya yang mewakili korpus pemikiran politik beliau yang harus dikaji untuk menilai sejauh mana ia dapat mewakili bangsa Melayu dalam peradaban atau tamadun ilmu politik sebagaimana yang telah dilakarkan oleh pemikir-pemikir Barat, Timur atau dunia Islam.

Justeru dalam kajian politik terdapat beberapa terminologi yang pengertian atau maksudnya tidak jauh beza dengan yang lain, misalnya empat istilah dalam disiplin sains politik seperti falsafah politik, teori politik, ideologi politik dan pemikiran politik. Hal ini akan menimbulkan masalah dan kekeliruan pembaca terhadap kajian walaupun ia tidak langsung menjejaskan dapatan kajian.



Untuk mudah memahami terminologi tersebut, dalam jadual 1.1 dinyatakan pengertiannya secara ringkas serta menjelaskan perbezaan makna atau maksud dan sifat setiap istilah politik tersebut;





Jadual 1.1

Istilah Sains Politik, Pengertian dan Sifatnya

Istilah Sains Politik	Pengertian Ringkas	Sifat
Falsafah (<i>Philosophy</i>)	Pemikiran tentang hal-hal yang berkaitan dengan politik dan negara.	Preskriptif dan subjektif
Teori (<i>Theory</i>)	Rumusan bentuk atau konsep politik yang telah diujikaji dan diterima ramai. Contoh: Teori Perjanjian Kemasyarakatan (TPK) / <i>The Social Contract Theory</i>) dan Teori Persejarahan/ Evolusi	Objektif dan spesifik
Pemikiran (<i>Thought</i>)	Suatu kesatuan pemikiran yang terjalin di antara idea, falsafah, doktrin, konsep dan teori tentang kewujudan institusi negara. (satu kerangka yang merangkumi pemikiran, teori dan mekanisme bagi mengaturnya)	Teoretik dan normatif (<i>kesimpulan yang bersandarkan kepada keyakinan dan kepercayaan tentang apa yang ditanggapi sebagai benar</i>)
Ideologi (<i>Ideology</i>)	Satu set pemikiran politik yang lengkap dari segi andaian, prinsip, matlamat dan cara pelaksanaan dan dianuti serta diperjuangkan oleh penganutnya. Contoh: <i>Liberalisme, Komunisme, Sosialisme</i> dan <i>Fasisme</i> .	Empirik (<i>bersandarkan data dan fakta</i>)
Idea	Gagasan / Wawasan	Subjektif
Idealisme (<i>Idealism</i>)	Melihat atau mencita-citakan sesuatu dalam bentuk yang sempurna; menghasratkan yang unggul (sempurna)	Subjektif





Meskipun sesuatu idea politik atau gagasan itu tidak mendapat perhatian atau diterima secara holistik oleh masyarakat kontemporari kerana idea politik alternatif sentiasa wujud sebagai pilihan terbaik. Hal ini berlaku kerana masyarakat mempunyai hak memilih dan rakyat adalah sebaik-baik hakim yang boleh membuat penilaian secara keputusan bersandarkan majoriti dalam sistem demokrasi.

Dalam konteks amalan demokrasi, kuasa memilih terletak di tangan rakyat. Mereka berhak membuat pilihan berasaskan faktor-faktor dalaman atau luaran dari segenap aspek seperti persekitaran, tuntutan semasa, mahupun *mood* pada zamannya kerana proses penerimaan sesuatu idea politik itu sering dikaitkan dengan kehendak sosiobudaya, agama (kepercayaan) dan tahap pendidikan masyarakat.



masyarakat itu pasti dapat diatasi dengan adanya pemerintah yang mempunyai kualiti-kualiti tertentu. Sebaliknya ada pula yang beranggapan ia hanya dapat diatasi oleh rakyat sendiri dengan memperbaiki diri masing-masing berlandaskan beberapa prinsip yang *ideal* (Alies Anor Abdul 2016: xx).

Umpamanya, *kontrak sosial* (perjanjian antara rakyat dengan pemerintah) seperti yang dinukilkan oleh Tun Seri Lanang dalam *Sejarah Melayu* edisi W.G. Shellaber (1978: 20-21), satu episod persetiaan antara Sang Sapurba dengan Demang Lebar Daun di Bukit Seguntang Mahamiru adalah cara penyelesaian yang berasaskan prinsip *ideal* yang merupakan salah satu korpus pemikiran politik.





Justeru kajian ini tidaklah bersifat objektif tetapi sebaliknya lebih kepada teoretik dan normatif. Dalam konteks penyelidikan ini teoretik dan normatik bermaksud pendirian atau kesimpulan yang tidak semestinya berdasarkan kepada fakta atau data yang diperolehi secara sistematik dan objektif. Sebaliknya ia didasarkan kepada keyakinan dan kepercayaan tentang apa yang ditanggapi sebagai benar (Saliha Hassan 1998:6):

Sehubungan itu, dapatan atau *findings* kajian tidaklah bersifat objektif sebaliknya lebih subjektif dengan menggunakan pendekatan berasaskan andaian-andaian yang dipercayai dan diterima oleh semua bangsa, agama dan masyarakat kontemporari.



menerusi karya penulisan berbentuk buku non-kreatif. Kebanyakan karya berkenaan (sampel kajian ini) dihasilkan ketika beliau berjuang menentang penjajahan Inggeris dan Jepun di Tanah Melayu. Naskhahnya telah bertaraf buku nadir dan sukar diperolehi. Cetakan asal bertulisan jawi kemudian diterbitkan semula dalam tulisan rumi. Pengkaji meminjam naskhah asal daripada perpustakaan universiti dan menyalin semula untuk dirujuk pada setiap kali ada keperluan.

Nahu, ejaan dan gaya bahasa karya Dr Burhanuddin mengikut langgam bahasa Melayu klasik dan amat berbeza sekali dengan gaya sekarang membuatkan pengkaji sukar memahami beberapa terma atau wacana naratif yang ditulisnya. Namun demikian, hal ini walaupun menimbulkan masalah kajian tetapi dapat diatasi dengan bantuan pakar bahasa. Keperluan pengkaji dalam konteks ini adalah untuk





mencari pembolehubah pemikiran politik dan memahami pengertian dan maksud idealisme yang diutarakan itu.

Penulisan beliau tidak bersistematik, hanya mementingkan pemaparan idea dan hujah. Ini menyukarkan pengkaji untuk menimba ilmu, fakta dan terma yang dibicarakannya. Kelemahan dan ketidak-sempurnaan penulisan disebabkan beliau menulis dalam suasana perang. Beliau tidak hanya duduk menulis sehari-harian tetapi turut menentang penjajah secara fizikal (aktiviti politik seperti berkempen, berceramah, berpidato, menubuhkan parti politik, memimpin atau menganggotai organisasi bukan siasah yang bermotifkan politik dan sebagainya). Dalam keadaan demikian pun beliau masih berupaya menghasilkan karya yang berharga untuk kepentingan watan yang sedang bergolak dilanda penjajahan.



Oleh kerana beliau berbakat dalam bidang penulisan, memberikan kelebihan kepadanya untuk menghasilkan buku yang selari dengan idealisme politiknya. Tujuan Dr Burhanuddin, tidak lain dan tidak bukan bagi menarik sokongan dan dokongan *massa* terhadap perjuangan politik beliau. Tindakan demikian dilihat sebagai suatu bentuk strategi perjuangan politik agar khalayak sasaran atau *massa* dapat menghayati visi, misi dan objektif sesuatu perjuangan.

Usaha ini juga dilihat sebagai *medium* mencari pengaruh daripada masyarakat kontemporari kerana di Tanah Melayu atau Malaya ketika itu (zaman pra merdeka) perjuangan menuntut kemerdekaan diselimuti dengan pelbagai pandangan, strategi serta tindakan yang berbeza di antara satu dengan yang lain walaupun mereka sebangsa, sebudaya, seagama dan satu tujuan iaitu untuk membebaskan negara ini





daripada belenggu penjajahan. Masing-masing kelompok mempunyai persepsi dan *modus operandi* yang mereka yakini terbaik untuk diikuti dan menolak kepunyaan kelompok lain.

Untuk mendapatkan kefahaman jitu tentang pemikiran politik Dr Burhanuddin, pengkaji tidak hanya bergantung kepada sampel kajian tetapi terpaksa menelaah banyak rujukan sama ada buku, disertasi, jurnal mahupun tesis kerana pemikiran politik yang diutarakan beliau berkait rapat dengan teks sosial atau teks luaran.

Misalnya, kemenangan dalam sesuatu perjuangan politik, kuncinya terletak sejauh mana tahap sokongan pengikut terhadap gagasan atau mesej yang diperkenalkan. Hakikatnya, bagaimanakah cara amanat atau idealisme politik itu sampai kepada khalayak sasaran, *massa* atau penyokong? Apatah lagi segala ruang dan peluang untuk berkempen ditutup rapat oleh penjajah.

Mengikut sejarah, penjajah British di Tanah Melayu menyekat kempen dan memenjarakan pejuang-pejuang politik yang menentang. Setelah darurat diisytiharkan pada 19 Jun 1948, tokoh-tokoh dan anggota pertubuhan politik yang menentang penjajah seperti Kesatuan Melayu Muda (KMM), Hizbul Muslimin (HM), Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Sedar (AWAS), dan lain-lain telah dipenjarakan beramai-ramai oleh Inggeris.

Menurut Cheah Boon Kheng (1983: 63) adalah dianggarkan lebih seribu orang Melayu telah ditangkap oleh British semasa darurat dan ada di antara mereka





yang tertangkap termasuklah Dr Burhanuddin. Justeru beliau tiada peluang untuk melakukan aktiviti komunikasi politik dalam mencari pengaruh dan sokongan.

Sehubungan itu, jalan mudah untuk menyalurkan mesej kepada khalayak sasar ialah menerusi penulisan. Lebih-lebih lagi menerusi karya penulisan segala idealisme dapat diketengahkan kepada masyarakat secara bersembunyi-semunyi supaya terhindar daripada tindak balas penjajah yang sentiasa mengawasi gerak geri mereka.

Penghasilan karya yang memaparkan idealisme politik yang ditangani Dr Burhanuddin disifatkan sebagai alat bantu terhadap tindakan yang dilakukannya sepanjang tempoh perjuangan politik beliau. Idea politik yang disampaikan menerusi karya penulisan sedikit sebanyak telah memberikan kefahaman kepada penyokong atau pengikut dalam menghayati intipati perjuangan kemerdekaan tanah air.

Dalam pada itu, pengkaji berpendapat bahawa karya penulisan tersebut merupakan dokumen penting yang merakamkan sesuatu idealisme politik bagi seseorang pejuang kemerdekaan negara. Ini kerana menerusi karya itu, kita boleh menilai pegangan, pandangan dan matlamat perjuangan Dr Burhanuddin dalam perjuangan membebaskan negara ini daripada belenggu penjajahan.

Agak malang, selepas negara merdeka karya penulisan Dr Burhanuddin terbiar dan tidak diangkat pada tahap sewajarnya kerana semata-mata beliau digambarkan oleh sejarah sebagai penentang *status-quo* atau *anti-establishment* sebagaimana yang dicap oleh penjajah sebagai tokoh radikal berhaluan kiri.





Walaupun ada sesetengah pihak menganggap karya-karya beliau sebagai khazanah negara tetapi setakat ini tiada sebarang usaha untuk mencetak semula, apatah lagi membahas atau membicarakan idea-idea politik yang terkandung di dalam buku-buku tersebut dalam forum-forum atau seminar di universiti atau di mana-mana institusi yang berpadanan.

Buku-buku Dr Burhanuddin sepatutnya dicetak semula dan ditempatkan di pusat-pusat pengajian tinggi untuk bacaan, telaah dan rujukan pelajar kerana pemikiran politik yang dikemukakan olehnya merupakan idea asli yang bersesuaian dengan amalan budaya masyarakat tempatan berbanding karya yang dihasilkan oleh sarjana barat yang kebanyakannya berlatarbelakangkan kehendak dan keperluan masyarakat mereka.



Tambahan pula, di negara kita tidak ada karya penulisan bercorak demikian yang ditulis sendiri oleh tokoh-tokoh politik atau pejuang kemerdekaan yang terlibat secara langsung di zaman penjajah. Oleh itu, sampel kajian ini disifatkan sebagai karya yang mewakili golongan tersebut. Justeru pemilihan karya terpilih Dr Burhanuddin sebagai sampel kajian berpadanan dengan konsep penyelidikan ini kerana ditulis oleh tokoh politik yang terlibat secara langsung dalam kancah perjuangan kemerdekaan.

Ketokohan beliau tidak hanya terhad dalam bidang politik tetapi melebar ke bidang falsafah dan penulisan. Beliau menulis dalam banyak bidang seperti perubatan, agama dan politik. Genre penulisannya bercorak deskriptif dan bersifat semi ilmiah kerana beliau seorang pengarang di samping pejuang kemerdekaan yang





terkemuka dalam sejarah politik negara dan pada waktu yang sama merupakan pengarang prolifik dengan menghasilkan banyak buku yang mengandungi mesej politik. Intipati pemikiran politik Dr Burhanuddin ialah nasionalisme berteraskan Melayu-Islam.

Cetusan pemikiran atau falsafah demikian rupa adalah akibat faktor akademik, pengalaman, pendidikan dan pembacaan. Dari segi segi akademik, Dr Burhanuddin pernah menerima pendidikan di luar negara. Pencapaian pelajaran tertinggi beliau ialah ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang diperolehi dari Universiti Aligh, India dan ijazah doktor perubatan hemeopati dari Jerman.

Beliau mengutara, mengupas dan menerangkan mesej politik hanya berlegar dalam *milieu* idea politik mengikut keyakinan serta pandangan secara ilmiah dengan bersandarkan bahan rujukan seperti al Quran dan hadis, menepati sifat karya itu sendiri sebagai tulisan akademik.

Berasaskan fakta-fakta di atas, karya-karya beliau perlu dikaji kerana tidak ramai tokoh politik di Malaysia yang bergiat aktif menghasilkan karya terutama yang mengetengah idealisme politik masing-masing sewaktu mereka masih lagi bergelut dalam perjuangan politik pra merdeka.

Kebanyakan tokoh politik sebelum merdeka berjuang aktif menentang penjajahan British dan Jepun tetapi hanya segelintir yang menggunakan *medium* penulisan sebagai salah satu alat bantu untuk menyebar-luaskan pemikiran politik kepada khalayak sasar.





Hal ini kerana mereka tidak berkemahiran menulis seperti Dr Burhanuddin. Jikalau adapun yang boleh menulis tetapi tidak berkemampuan pula untuk menyetengahkan idea bersifat politik. A Samad Ismail, nasionalis dan tokoh wartawan negara berpendapat bahawa kelebihan pejuang-pejuang nasionalis aliran kiri adalah penguasaan mereka dalam bidang penulisan. Beliau menjelaskan begini;

“Ishak (Pak Sako) dan Boestamam adalah dua contoh tanggapan saya ini. Barangkali kerana sepanjang perjuangan mereka, bidang penulisan merupakan satu bidang penting untuk memujuk dan mengajar rakyat agar menerima wawasan mereka.

(Ahmad Boestamam, 2004: 16)

Sebaliknya, pejuang-pejuang nasionalis aliran kanan dalam kalangan beberapa tokoh politik terkemuka seperti Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman dan Abdul Razak Hussein walaupun terlibat secara *total* dalam perjuangan kemerdekaan tetapi tidak menulis buku seperti Dr Burhanuddin yang mengeksploitasikan *medium* penulisan sebagai alat bantu mempertingkatkan sokongan dan pengaruh.

Namun demikian, terdapat juga beberapa orang pejuang kemerdekaan daripada golongan penulis dan wartawan Melayu yang menggemukakan persoalan politik menerusi genre sastera seperti novel, memoir, autobiografi dan sajak. Bidang penulisan kreatif digunakan sepenuhnya oleh mereka dalam menyampaikan mesej politik. A Samad Ismail berpendapat;

“Mereka berupa *agitator* atau penghasut rakyat untuk menentang penjajahan. Dan Boestamam menguasai kedua-dua bidang ini- bidang pidato dan bidang penulisan. Sekiranya kita mengamati gaya bahasa





Boestamam, ternyata ketegasan wataknya mengalir dalam gaya penulisannya.”

(Ahmad Boestamam, 2004:16)

Antaranya yang menonjol ialah Ishak Haji Muhammad atau lebih dikenali sebagai Pak Sako dengan novel satira; *Mat Lela Gila* (1941) dan *Putera Gunung Tahan* (1942), Ibrahim Hj. Yaakob; *Melihat Tanah Air* (1940) menerusi genre autobiografi serta Zulkifli Muhammad melalui beberapa kuntum puisinya yang bertemakan nasionalisme termuat dalam antologi sajak seperti *Gema Suci* (1975), *Puisi-puisi Kebangsaan 1913-1957* (1988) dan *Mengenang-Mu* (1989) (Zabidin Hj Ismail 2014:220).

Walaupun persoalan yang terkandung dalam karya tersebut berbau politik tetapi ia bukanlah idealisme politik, sebaliknya merupakan cerita politik yang menjadi tema genre sastera itu. Justeru karya tersebut tidak mengetengahkan idealisme politik sebagaimana yang ditulis oleh Ahmad Boestamam di dalam novel-novelnya.

Idealisme atau pemikiran politik di dalam sesuatu karya sastera itu bukan hanya cerita politik semata-mata, sebaliknya mesej itu mampu membuka fikiran atau minda bagi melihat sesuatu idealisme politik dalam kerangka yang lebih luas lagi.

Menurut Zabidin Haji Ismail (2010: 61) sebagai contoh, mesej nasionalisme yang diutarakan Ahmad Boestamam dalam novelnya, *Rumah Kaca digegar Gempa* (1969) memberi dimensi baru bahawa nasionalisme itu bukan hanya mementingkan kaum masing-masing, sebaliknya harus menekankan “*nation state*” atau negara-bangsa sekali gus mengabaikan ras atau suku kaum.





Karya Ahmad Boestamam tidak hanya bercerita pasal politik bahkan melebar tentang cara bagaimana untuk membentuk sebuah negara yang merdeka dan berdaulat walaupun tidak berterus terang seperti karya Dr Burhanuddin namun mesejnya jelas dan boleh dikutip satu per satu sebagai satu pemikiran baharu dalam korpus politik itu sendiri.

Dr Burhanuddin mengetengahkan idealisme politik yang tidak terikat dan cenderung kepada ideologi politik Barat. Beliau mengangkat korpus pemikiran politik bersandarkan bangsa dan agama iaitu Melayu dan Islam. Hal ini jelas diterangkan dalam bukunya FKM.

Hakikatnya di Tanah Melayu atau Malaya, orang Melayu beragama Islam dan Islam itu sinonim dengan bangsa Melayu. Bagi Dr Burhanuddin idealisme politik tersebut sebagai alat untuk mengukuhkan tamadun bangsa Melayu demi *survival* masyarakat dan agama.

Walaupun gagasan itu tidak semestinya diterima-pakai oleh *massa*, sebaliknya kemampuan dan komitmen terhadap apa yang diperjuangkan merupakan satu teladan yang seharusnya dikenang dan diberi perhatian oleh sejarah dan masyarakat masa kini.

Dalam era politik Melayu pra-merdeka dan gerakan nasionalisme, Dr Burhanuddin bergerak atas prinsip idealisme perjuangan yang tersendiri tetapi dalam bahtera yang sama iaitu memilih “jalan kiri” yakni tidak mahu bersekongkol dengan penjajah terutama Inggeris.





Ada sesetengah sejarawan memberi tanggapan dan pandangan terhadap tokoh tersebut. Pandangan yang berbeza ini adalah disebabkan para sejarawan dan penulis sejarah politik menggunakan sumber-sumber dokumen daripada penjajah dan menyimpulkan bahawa golongan nasionalis yang tidak bekerjasama dengan pihak penjajah dicap sebagai golongan berhaluan kiri dan radikal.

Umpamanya, Ramlah Adam dalam bukunya, *Burhanuddin Al-Helmy Suatu Kemelut Politik* menyebut Dr Burhanuddin sebagai tokoh golongan kiri dan radikal yang gagal dalam perjuangan dan pergerakan politik tanpa menyatakan faktor penyebab kegagalan. Walhal, salah satu sebab kegagalan beliau ialah tindak tanduk dan perancangan pihak penjajah yang cuba ‘membunuh’ kerjaya politiknya dan akhirnya berjaya membunuh karektor politik Dr Burhanuddin sebagai tokoh nasionalis tulen (Muzammil 2003:10).

Sebaliknya golongan kanan pula berkompromi dengan Inggeris untuk kemerdekaan negara dengan alasan bahawa pertumpahan darah adalah merugikan bangsa; perjuangan menentang penjajah dengan senjata akan menumpaskan peribumi dan akhirnya penduduk asal juga yang akan rugi dengan kehilangan nyawa, harta benda dan kepakaran yang ada pada penjajah yang boleh dipelajari untuk membangunkan negara ini.

Walaupun hujah golongan kanan itu munasabah, namun Dr Burhanuddin tidak mahu berkompromi dengan penjajah sebaliknya meletakkan Islam sebagai tunjang kepada perjuangan politiknya terutama dalam cita-cita untuk membina Tanah Melayu sebuah negara yang merdeka dan berdaulat dengan merealisasikan gagasan *Melayu*





Raya yang menjadi matlamat perjuangannya. Meskipun tidak kesampaian, namun beliau telah bekerja keras ke arah itu.

Dr Burhanuddin mempunyai kesedaran yang mendalam tentang agama, nasionalisme dan negara-bangsa. Baginya politik ialah alat kepada agama, kerana politik berubah-ubah tetapi agama adalah tetap. Beliau menyebut dalam tulisannya, *Agama dan politik* seperti berikut:

Politik itu berubah-ubah tetapi agama tetap. Agama tidak boleh disesuaikan dengan politik, tetapi politik itulah yang mesti disesuaikan dengan agama. Agama dengan sendirinya berisi berbagai-bagai ragam politik, tetapi politik itu bukanlah agama.

(Kamarudin Jaffar, 1980: 158)



Pandangan itu telah menjelaskan bahawa perjuangan dan aliran politik perlu disesuaikan dengan agama kerana dalam Islam, politik hanyalah wasilah bagi mendapatkan kuasa untuk mendaulatkan syariat Allah SWT di muka bumi-Nya. Prinsip inilah yang dipegang oleh beliau dalam perjuangan politik.

Di samping itu, Dr Burhanuddin inginkan kaum imigran harus menyerapi ke dalam budaya peribumi yang menjurus kepada tiga ciri utama iaitu *Merdeka*, *Kebangsaan Melayu* dan *Islam* (Kamarudin Jaffar, 1980: 9) yang berkaitan serta bertindan lapis di antara satu dengan yang lain. Dr Burhanuddin menyuarakan ketiga-tiga ciri ini dalam satu ketika.

Lantaran itu agak sukar untuk disaringkan ciri yang mana satu menjadi keutamaan beliau. Walau bagaimanapun, dapatlah disimpulkan bahawa Dr





Burhanuddin berjuang dalam arena politik berlandaskan kerangka idealisme tersebut meskipun menggunakan *platform* aliran kiri.

Namun demikian, ciri Islam dilihat telah mendominasi pemikiran politik Dr Burhanuddin. Dalam bukunya, *Perjuangan Kita* (1946) beliau membayangkan bahawa keyakinannya terhadap negara bangsa berlandaskan kepada “kata-kata mashyur” Arab yang bererti *kasihkan watan itu sebahagian daripada iman*. Ini berasaskan kepada falsafah yang dikemukakan dengan menggariskan bahawa iman (nyawa), tubuh, bangsa dan watan (tanah air) adalah komponen utama untuk pembinaan sesebuah negara-bangsa atau watan.

Susunan pandangan Dr Burhanuddin tersebut adalah berasas kepada empat serangkai dalam pembinaan watan yang dijelaskannya sebagaimana berikut:

Iman berdiri atas tubuh, tubuh berdiri atas bangsa dan bangsa berdiri di atas watan. Salah satu daripada yang empat ini tiada boleh bercerai tanggal dalam binaanya tetapi watan jadi pokok. Ada watan ialah dengan kuat bangsa. Kuat bangsa keluar dari tubuh yang sihat, kuat dan perkasa seperti pekerja, pahlawan, perajuritnya terletaknya iman.

(Kamarudin Jaffar, 1980: 48)

Kekuatan iman sesuatu bangsa itu adalah asas utama untuk mendirikan negara. Falsafah inilah yang cuba diterapkan oleh Dr Burhanuddin kepada bangsa Melayu dalam perjuangan mendapatkan kemerdekaan. Justeru itu, dalam membentuk kekuatan iman dan jiwa merdeka, Dr Burhanuddin menanamkan roh perjuangan yang dikenali sebagai FKM yang telah disesuaikan dan diselaraskan dengan kehendak agama.





Menurut Dr Burhanuddin FKM bukanlah asabiyyah yang menuju ke arah kesempitan atau taksub kepada kaum sendiri, tetapi sebaliknya ia ditafsirkan dengan skop yang lebih meluas dan kebebasan sejati. Oleh sebab itu, nasionalisme menurut pandangan beliau, boleh disesuaikan dengan Islam kecuali yang diharamkan iaitu asabiyyah jahiliah.

1.3 Objektif Kajian

Terdapat empat objektif kajian dalam penyelidikan ini iaitu;

1.3.1 Mengenalpasti pemikiran politik dalam karya-karya Dr Burhanuddin.

1.3.2 Membahagikan pemikiran politik Dr Burhanuddin Al Helmi kepada tiga aspek utama.

1.3.3 Menganalisis pemikiran politik dalam aspek nasionalisme Melayu, antikolonialisme dan pembentukan negara-bangsa dan kaitannya dengan kegiatan politik Dr Burhanuddin Al Helmi.

1.3.4 Memperkenalkan karya-karya Dr Burhanuddin Al Helmi yang mengandungi pemikiran politik kepada generasi sekarang.

1.4 Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:-





1.4.1 Adakah karya-karya Dr Burhanuddin mengandungi aspek pemikiran politik seperti *Nasionalisme Melayu*, *Antikolonialisme* dan *Negara- Bangsa*?

1.4.2 Sejauh manakah pemikiran politik *Nasionalisme Melayu* berhubung-kait dengan faham kebangsaan, Islam dan kemerdekaan Malaysia dalam karya-karya Dr Burhanuddin?

1.4.3 Sejauh manakah pemikiran politik *Antikolonialisme* tercetus di Malaysia serta wujud korelasi dengan karya-karya Dr Burhanuddin?

1.4.4 Sejauh manakah pemikiran politik *Negara-bangsa* berhubung-kait dengan gagasan *Melayu Raya*, sosialisme dan demokrasi dalam karya-karya Dr Burhanuddin?



1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian dilihat daripada pelbagai perspektif yang dinyatakan seperti di bawah ini, iaitu;

1.5.1 Hasil kajian ini dapat membantu para penyelidik sains sosial bagi menambah sumber rujukan korpus pemikiran politik Melayu

1.5.2 Hasil kajian ini menambah khazanah peradaban Melayu berbentuk teks ilmiah



- 1.5.3 Kajian ini boleh dijadikan teras ujian amali realiti politik partisan kontemporari bagi tujuan penambah-baikkan sistem politik di Malaysia
- 1.5.4 Kajian ini amat penting bagi mendedahkan bahawa Malaysia sebenarnya sudah memiliki seorang pemikir politik Islam.
- 1.5.5 Hasil kajian ini merupakan tanda pengiktirafan terhadap sumbangan, perjuangan dan ketokohan pejuang-pejuang politik dan kemerdekaan zaman lampau.

1.6 Batasan Kajian

Penyelidikan ini tertumpu terhadap mesej pemikiran politik yang terkandung dalam karya-karya Dr Burhanuddin. Sehubungan itu, pengkaji memilih enam buah buku dan tulisan Dr Burhanuddin dijadikan sampel kajian kerana kesemua karya tersebut mempunyai idealisme atau pemikiran politik yang boleh dianalisis dan dikaji. Pemilihan sampel kajian tersebut telah melepasi proses penilaian dan pencerakinan ketat kerana berpandukan kepada asas kajian iaitu analisis pemikiran politik.

Jadual 1.2 di bawah ini memaparkan perihal terperinci karya penulisan Dr Burhanuddin yang dipilih sebagai sampel kajian untuk dianalisis berasaskan hanya mesej pemikiran politik. Ini bermakna mesej lain yang bukan pemikiran politik, walaupun terdapat di dalam sampel kajian tidak akan disentuh atau dikupas sama sekali.



Jadual 1.2

Senarai Sampel Kajian

	Bil	Genre	Tajuk	Jumlah Muka Surat	Tahun Terbit
Karya Burhanuddin Al-Helmi	1		Perjuangan Kita (Jawi)	52	1946
	2		Falsafah Kebangsaan Melayu (Jawi)	97	1954
	3	Deskriptif (Buku / tulisan	Agama dan Politik (Jawi)	49	1954
	4	Ilmiah)	Ideologi Politik Islam	34	1957
	5		Pidato Sambutan Kongres Parti Rakyat	16	1955
	6		Islam dan Sosialisme	8	1988



Kajian tertumpu kepada karya-karya Dr Burhanuddin iaitu;

1.6.1 Perjuangan Kita

Buku ini diterbitkan pertama kali pada tahun 1946 dan terbitan kedua pada tahun 1955. Kedua-duanya dicetak dalam tulisan Jawi. Bagi kajian ini edisi kedua digunakan yang mempunyai 52 halaman. Sebanyak sepuluh tajuk telah diuraikan di dalam buku ini iaitu;

1. Asal Usul Kebangsaan Melayu
2. Bangsa Melayu dengan Bangsa Dagang
3. Pemerintahan di Gugusan Pulau-pulau Melayu





4. Pergerakan Kebangsaan Melayu dan Politik
5. Perang Dunia Kedua
6. Kesedaran Bangsa Melayu
7. Perjuangan kita Menurut Ajaran Al-Quran
8. Tertubuhnya Parti Kebangsaan Melayu
9. Soalan-soalan yang Timbul
10. Penutup

Buku *Perjuangan Kita* mengupas beberapa topik mengenai bangsa Melayu yang merangkumi asal usul kebangsaan Melayu atau *Malay Nationalism* dan perbandingan bangsa Melayu dengan bangsa pendatang (*immigrant*). Di samping itu Dr Burhanuddin turut membicarakan corak pemerintahan di gugusan kepulauan Melayu, pergerakan kebangsaan Melayu dan politik serta mengaitkan dengan Perang Dunia Kedua. Buku ini juga turut mengupas mengenai perjuangan politik beliau menurut ajaran Islam serta sejarah tertubuhnya PKMM.

1.6.2 Falsafah Kebangsaan Melayu

Buku ini memperlihatkan pandangan atau pemikiran Dr Burhanuddin berhubung dengan konsep *Malay Nationalism* di sebalik kupasannya tentang asal usul Melayu serta bagaimana timbulnya perkataan "Melayu" yang amat menarik untuk dianalisis secara ilmiah. Berikut dinyatakan bahagian yang terdapat di dalam buku ini yakni;

BAHAGIAN 1

1. Asal Usul Bangsa Melayu





2. Timbulnya Perkataan “Melayu”

BAHAGIAN II

1. Daerah Alam Melayu I
2. Daerah Alam Melayu II
3. Daerah Alam Melayu III

BAHAGIAN III

1. Perkembangan Bangsa Melayu

BAHAGIAN IV

1. Kebangsaan dalam Islam I
2. Kebangsaan dalam Islam II



BAHAGIAN V

1. Perjuangan Bangsa dan Kebangsaan I
2. Perjuangan Bangsa dan Kebangsaan II
3. Perjuangan Bangsa dan Kebangsaan Melayu dan Malayan

BAHAGIAN VI

1. Asas Falsafah Kebangsaan Melayu I
2. Asas Falsafah Kebangsaan Melayu II
3. Asas Falsafah Kebangsaan Melayu III
4. Asas Falsafah Kebangsaan Melayu IV
5. Asas Falsafah Kebangsaan Melayu V
6. Perjuangan Kebangsaan Melayu Hari ini





Dr Burhanuddin melalui FKM turut membicarakan daerah alam Melayu, perkembangan bangsa Melayu serta perjuangan kebangsaan yang dibahagikan kepada dua segmen iaitu perjuangan kebangsaan Melayu dan kebangsaan Malayan.

Beliau juga menghuraikan dengan terperinci tentang asas FKM dari fasa 1 hingga fasa 5 yang dapat dianggap sebagai idealisme politik tulen daripada seorang tokoh politik tanah air. Buku ini diterbitkan pada tahun 1954 yang disusun oleh Ahmad Azam daripada ucapan-ucapan Dr Burhanuddin yang tersiar di dalam *Mingguan Melayu* daripada awal Oktober 1953 hingga Februari 1954.

Oleh kerana idea yang dipaparkan agak unik, pihak di Indonesia pernah menerbitkan buku ini dengan judul *Asas Falsafah Kebangsaan Melayu*, Djakarta, 7 Juli 1963 (tidak dinyatakan penerbit) dengan mencatatkan nama pengarangnya; Prof. Dr. Burhanuddin Al-Helmy. Buku ini dijual dengan harga RM200.00 kerana nilai kandungan serta usia buku tersebut.

1.6.3 Agama dan Politik

Buku ini pada asasnya adalah sebuah kertas kerja Dr Burhanuddin yang dibentangkannya dalam Kursus Pemuda UMNO Pontian, Johor pada 6 Ogos 1954 yang telah dihadiri seramai 800 orang peserta. Kemudian ia diolah mengikut kehendak penerbitan buku dan diterbitkan pada 13 Ogos 1954 di Singapura dengan 49 halaman serta dicetak dalam tulisan Jawi. Buku ini mengandungi sebanyak 17 bab yang bertajuk seperti berikut:-





1. Pusingan Roda Masyarakat
2. Penggerak Tamadun
3. Dasar Perubahan Masyarakat dan Tamadun
4. Dasar dan Tujuan Agama
5. Agama dan Kebudayaan Melayu
6. Hindu dan Buddha
7. Politik
8. Manusia dijadikan Untuk Menyembah Allah
9. Dasar Islam
10. Dasar Politik
11. Politik Bangsa Melayu
12. Berpolitik Berpandukan Quran – Kuat; Berpolitik Membelakangkan Quran – Lemah
13. Sebelum Merdeka Hendaklah Hindarkan Perpecahan dan Pertentangan Faham
14. Jangan Terharu dan Terkeliru dengan Faham dan Tamadun Barat
15. Kebangsaan dalam Islam
16. Pesanan Kepada Pemuda
17. Berjuang

Intipati *Agama dan Politik* membincangkan serba sedikit sejarah perkembangan agama iaitu agama-agama yang pernah dianuti oleh bangsa Melayu iaitu Hindu dan Buddha sebelum kedatangan Islam di Tanah Melayu, dasar dan tujuan beragama, agama dan kebudayaan Melayu, dasar politik, serta politik dan bangsa Melayu.





1.6.4 Ideologi Politik Islam

Kupasan mengenai politik Islam oleh Dr Burhanuddin turut mengariskan bagaimana Islam berpolitik yang berpandukan al-Quran dan Sunnah. Idea yang tidak berpandukan al-Quran dan Sunnah dengan sendirinya terbatal. Idea mesti berpandu kepada al-Quran. Al-Quran pula tidak boleh berpandukan idea. Buku ini membicarakan beberapa tajuk seperti berikut:-

1. Islam Disembunyikan
2. Huraian Maksud Tajuk
3. Bagaimana Islam Berpolitik
4. Roda Masyarakat
5. Sebab-sebab Diutus Nabi dan Rasul
6. Keadaan Manusia Sebelum Islam
7. Tumbuh Ideologi
8. Perlu Kepada Penutup Kerasulan
9. Ajaran Quran dan Sunnah Rasul
10. Khulafah Ar- Rashidin
11. Kerajaan Islam Mengembang
12. Kebangkitan Dunia Barat
13. Mengembalikan Keadilan Masyarakat
14. Perkembangan Sains dan Intelek
15. Dunia Menuju Perdamaian
16. Ideologi Politik Islam





Buku yang diterbitkan pada tahun 1957 ini amat tegas dalam membicarakan ideologi politik yang berkaitan dengan Islam. Selain itu, buku ini juga membicarakan cita-cita pembentukan sebuah negara Islam .

1.6.5 Pidato di Kongres Parti Rakyat

Tulisan ini merupakan teks ucapan Dr Burhanuddin ketika menyampaikan ucapan kata sambutan perasmian persidangan pembukaan Kongres Parti Rakyat pada tahun 1955 di Melaka. Teks ini dibahagikan ke beberapa bahagian seperti di bawah ini:-

1. Permulaan Perjuangan Kebangsaan
2. Undang-undang Darurat
3. Perjuangan PKMM
4. Tugas Rakyat
5. Memperjuangkan Tugas Kedua
6. Ekonomi dan Sosial
7. Nilai Perjuangan

Dalam tulisan tersebut Dr Burhanuddin telah menyentuh beberapa perkara utama dalam perjuangan politik di Tanah Melayu serta memperincikan tugas pejuang-pejuang merdeka iaitu membangunkan jiwa merdeka dalam kalangan rakyat di samping bersatu padu seluruh baka bagi memperjuangkan kemerdekaan tanah air tercinta.





1.6.6 Memperjuangkan dan Mengisi Kemerdekaan

Tulisan ini termuat dalam buku *Islam dan Sosialisme* terbitan Ikraq (1988) yang membincangkan hubungan antara Islam dengan sosialisme dari beberapa segi oleh empat orang penulis termasuk Dr Burhanuddin. Tulisan ini merupakan teks ucapan dasar Dr Burhanuddin selaku Yang Dipertua Parti Islam Malaya (PAS) dalam muktamarnya pada tahun 1956.

Teks berkisar dengan menyarankan langkah-langkah tertentu menjelang kemerdekaan negara pada tahun 1957 yang menyeru supaya diwujudkan kerjasama yang lebih erat dan berlanjutan antara golongan-golongan Islam, nasionalis progresif dan sosialis untuk mengisi kemerdekaan.



Kajian ini akan membataskan pemikiran politik yang terkandung dalam sampel kajian sahaja. Ini bermakna korpus pemikiran atau idea politik Dr Burhanuddin yang disampaikan menerusi ucapan, pembentangan, perbahasan atau perdebatan di Parlimen yang terakam dalam *hansard* tidak dijadikan sampel kajian, sebaliknya hanya akan diambil-kira sebagai rujukan dan sandaran hujah sahaja kepada penyelidikan ini.

1.7 Sorotan Tentang Dr Burhanuddin Al Helmi

Kehidupan yang dilalui oleh Dr Burhanuddin telah mempengaruhi corak pemikiran serta bentuk karya yang dihasilkan. Pengkaji berpendapat bahawa kehidupan serta rentetan kisah perjuangan beliau merupakan unsur penting sebagai pendorong atau





catalyst sehingga terhasilnya karya yang mengandungi idealisme politik khususnya teks yang dijadikan sampel kajian.

Penciptaan karya baik ilmiah atau akademik, malahan di bidang sastera sekalipun, sering dikaitkan dengan suasana persekitaran serta gelombang rasa sanubari pengarang. Kemudian gelombang rasa yang bersandarkan ilmu, pengalaman serta pembacaan itu telah mencetuskan idea tertentu, lalu ia dikembangkan dan akhirnya dipersembahkan dalam bentuk penulisan yang berbeza pendekatan sama ada deskreatif ataupun kreatif. Pendek kata, sesuatu karya itu dihasilkan bertolak daripada pengaruh suasana persekitaran dan gelombang rasa pengarang sendiri.

Oleh yang demikian, pemikiran politik yang terkandung dalam teks atau sampel kajian mustahil dapat dimanifestasikan sekiranya Dr Burhanuddin tidak terbabit dalam episod sejarah perjuangan kemerdekaan negara, proses penentangan penjajahan atau bukan seorang tokoh politik kerana ramuan untuk menghasilkan sebarang karya penulisan itu, perlu ada unsur-unsur tersebut.

Namun begitu, walaupun kualiti-kualiti di atas sudah dilengkapi tetapi jikalau mereka tidak mempunyai ilmu politik serta kurang berkemampuan mengolah ilmu, idea dan pengalaman tersebut ke dalam bentuk tulisan sama ada deskreatif mahupun kreatif nescaya karya demikian tidak akan terhasil sebagaimana yang terdapat sekarang.

Bagi pengkaji, kelahiran teks kajian tersebut berpunca dari sebab dan akibat yang terakam dalam sanubari pengarang itu sendiri. Gelombang rasa sanubari Dr





Burhanuddin adalah *catalyst* kelahiran sesebuah karya baik ilmiah mahupun sastera.

Dalam konteks ini Othman Puteh (1997:71) menegaskan:

Pengarang mencipta karyanya dengan mengambil model dan satu subjek ceritanya dari persekitaran kehidupan itu sendiri. Jelas cereka naratif itu dicipta bukan merupakan imaginasi semata-mata. Ia diperoleh berdasarkan pengalaman dari penemuan, percubaan dan pengamatan. Pengalaman batin yang tentunya tidak terungkai dari jagat empiris pengarang. Cuma kemudiannya, dunia empiris itu merayap ke dalam pengalaman batin pengarang, mengheningjernih dan memendap dalam dirinya melalui proses dan baru kemudiannya lagi diungkapkan melalui daya kreatifnya.

Lantaran itulah pengalaman, terutama yang bersabit dengan sejarah politik tanah air telah dimanipulasikan oleh pengarang sebagai satu subjek cerita yang diangkat dari persekitaran kehidupan. Sehubungan itu, Dr Burhanuddin yang dikenali sebagai tokoh politik kiri (Ahmad Nizamuddin Sulaiman, 1983:18) telah menjadikan sebahagian pengalaman mereka sebagai bahan penulisan.

Justeru gerakan kekirian yang dilibati Dr Burhanuddin menunjukkan beliau tidak menyenangi penjajah dan *status quo* malah tidak pula sependapat dengan golongan kanan yang dianggotai oleh puak elitis dan kaum feudal. Sikap beliau yang teguh berpegang kepada prinsip perjuangan dan bersungguh-sungguh bertindak menentang penjajahan menggambarkan semangat nasionalisme yang sentiasa bergelojak dalam sanubari.

Pengkaji melihat bahawa kehidupan yang dilalui oleh Dr Burhanuddin semenjak kecil sehingga dewasa dalam kancah perjuangan sama ada politik, sosial, agama





mahupun kehidupan yang penuh dengan pancaroba itu, telah mematangkan karya penulisannya. Oleh itu sorotan ringkas tentang kehidupan Dr Burhanuddin dipaparkan kerana boleh membantu proses penyelidikan.

1.7.1 Latar Belakang dan Pendidikan

Dr Burhanuddin dilahirkan di Kampong Changkat Tualang, Kota Bharu, Perak (terletak kira-kira 32 KM dari Ipoh) pada 29 Ogos 1911 (*Falsafah Kebangsaan Melayu*, 1954: 6). Bapanya, Haji Muhammad Noor, seorang petani yang alim dan ahli tasawuf. Susur-galur sebelah bapanya adalah dari keluarga bangsawan Sungai Jambu, Batu Sangkar, Sumatera Barat, Indonesia manakala ibunya bernama Sharifah Zaharah binti Habib Osman berketurunan Arab yang berasal dari Melaka tetapi telah berhijrah



dan menetap di kampung tersebut.

Sejak kecil lagi Dr Burhanuddin mendapat asuhan dan bimbingan daripada ibu bapanya dari segi pendidikan agama. Beliau sudah bersembahyang fardu semenjak usianya tiga tahun, khatam Quran ketika berumur sepuluh tahun dan mampu menghafal lebih separuh isi kitab suci itu. Pelajaran agama dan didikan kerohanian ini sebenarnya telah diberikan oleh ayahnya. Katanya;

“Ayahanda saya adalah seorang tasawuf dan bertariqat Naqsyabandi serta dengan lurus dan waraknya. Maka saya pun dari kecil dilatihnya warak dan mesti kuat beribadat mengikut-ikut dia sembahyang berjamaah, membaca Qur'an dan berzanji, ahzab dan berzikir” (Burhanuddin Al Helmi, 2005:34).





Pendidikan Dr Burhanuddin secara formal bermula di Sekolah Melayu Behrang Ulu, Tanjong Malim kerana mengikut bapanya bertugas sebagai guru agama di situ dan kemudian di Sekolah Melayu Bakap sehingga darjah tiga. Selepas itu beliau menyambung persekolahan di Kota Bharu, Perak dan pada waktu yang sama bakat penulisannya mula kelihatan dan kian berkembang apabila dia menerbitkan sejenis akhbar mingguan bernama *Berita Minggu* (Ramlah Adam, 1996:7). Menurut Kamarudin Jaffar (1980:4) Dr Burhanuddin menggunakan buku latihan sekolah untuk menerbitkan akhbar tersebut.

Pada peringkat awal pendidikannya iaitu antara tahun 1917 sehingga 1923, ajaran agama dan kerohanian lebih menguasai diri Dr Burhanuddin (W. Mohd Azam Mohd Amin, 1997:59). Namun minatnya tentang ilmu berputik sejak sekolah rendah lagi. Umpamanya, masa lapang digunakan untuk mempelajari bahasa Mandarin daripada anak pekedai Cina di kampungnya serta bahasa Tamil menerusi penoreh getah kebun bapanya sehingga dia boleh membaca dan bertutur perbualan harian (Ramlah Adam, 1996:2).

Sesungguhnya, pembentukan jiwa Islam semenjak kecil telah memupuk akhlak mulia serta semangat keIslaman yang tinggi ketika beliau dewasa dan sebagai benteng pertahanan yang kental daripada pelbagai serangan spritual dan fizikal misalnya terpaksa menjalani tahanan penjara akibat menentang British.

Sebaik sahaja tamat sekolah Melayu pada tahun 1924, beliau dihantar oleh bapanya ke Sungai Jambu, Padang Panjang, Sumatera, Indonesia, untuk belajar ilmu agama (Nabir Hj. Abdullah. 1976:87). Di sini beliau berguru dengan ulama-ulama





Kaum Muda dan berfaham progresif tentang Islam serta menerima asuhan Haji Nuruddin, anggota Sarekat Islam Indonesia. Dr Burhanuddin (2005:34) telah menceritakan pendidikan yang dialaminya di Indonesia:

Bila saya lepas belajar keluar di Indonesia dapat saya belajar bahasa Belanda dan guru-guru agama saya pula ulama'-ulama' kaum muda dan berfaham progresif dalam Islam, maka fikiran saya terbentuk dengan membaca keterangan-keterangan moden dan majalah-majalah moden seperti *Al Manar* dan *Al Falah*. Saya pelajari ilmu-ilmu Usul Fekah, Usul Ahkam, mazahib arba'ah dan membaca kitab bidayah mujtahid, subulussalam, kitab-kitab Ibn Taimiah, Ibnu Qayyim, Assyaukani, Abdul Wahhab, As Sayid Jamaludin Al Afghani, Muhammad Aduh, Rashid Redha dan akhirnya Tantawi.

Melalui pembacaan dan tunjuk ajar daripada ulama yang berfahaman progresif, Dr Burhanuddin berfikiran sealiran dengan guru-gurunya. Di Indonesia juga beliau telah mempelajari bahasa Belanda. Beliau berada di pondok ini selama dua tahun dan terdedah pula dengan gerakan rakyat Indonesia menentang Belanda kerana di pondok itu, tiada terkecuali dengan ceramah-ceramah yang membangkitkan kesedaran politik dalam kalangan pelajar-pelajarnya.

Pada tahun 1926 setelah kembali ke tanah air, bapanya telah menghantar Dr Burhanuddin ke sekolah pondok Pulau Pisang, Jitra, Kedah. Beliau tidak lama belajar di institusi terbabit kerana dikatakan sukatan pelajarannya agak rendah dan tidak sesuai dengannya. Lantaran itu, pada tahun 1927 (Burhanuddin Al Helmi, 1954:6) beliau memasuki Madrasah Al-Masyhur Al-Islamiyyah, Pulau Pinang. Di madrasah ini beliau belajar sehingga tamat tingkatan menengah atas (Thanawi) (Abdullah





Zakaria Ghazli, ?:23) dan berjaya menguasai bahasa Arab dan Inggeris (Kamarudin Jaffar, 1980:4).

Pada tahun 1928 (Kamarudin Jaffar, 1980:4) atas anugerah biasiswa oleh hartawan-hartawan India Islam di Pulau Pinang, Dr Burhanuddin pergi ke India untuk mengembara dan menuntut ilmu (W.Mohd Azam Mohd. Amin, 1997:23). Di India beliau banyak menimba pengalaman dalam gerakan kemerdekaan yang dilakukan oleh Mahatma Ghandi serta pernah berkenalan dengan Mohd Ali Jinnah, pengasas negara Islam Pakistan dan Pandit Nehru di samping beberapa pemimpin kemerdekaan India yang lain (Kamarudin Jaffar, 1980:4). Pengalaman beliau di India dinukilkannya begini:



Masa saya di India saya dapat mempelajari bahasa Inggeris dan Perancis dan dalam mempelajari ilmu kedokteran Hemeopathy, asas bahasa Belanda memudahkan saya mempelajari bahasa Jerman.



(Burhanuddin Al Helmi, 2005:35)

Berdasarkan keterangan di atas, Dr Burhanuddin telah mempelajari lima bahasa iaitu Arab, Belanda, Inggeris, Perancis dan Jerman. Ada pendapat yang mengatakan bahawa beliau menguasai sedikit-sedikit sahaja bahasa Inggeris (Alias Mohamed, 1982:111) adalah tidak munasabah kerana ilmu perubatan hemeopati itu dipelajari dalam bahasa tersebut. Malahan ketika mendalami ilmu metafizik dia terpaksa memahami banyak bahasa Eropah. Katanya;

Kemudian masuklah saya ke dalam perguruan psikologi-metafizik, ilmu rohani juga falsafah dan perbezaan dan perbalahan. Maka termasuklah saya membahaskan berkenaan dengan sufi itu termasuk





dalam falsafah. Saya pelajari sufi dari bahasa-bahasa di Eropah. Terpaksa saya balik saya mengenal Ghazali, Al Badwi, Ar Rifa'ie, Ar Rumi, Al Qusyairi, Ibnu 'Atha dan lain-lain serta rujuk kitab-kitab Eropah itu kepada kitab-kitab Arab maka barulah saya balik mencari kitab-kitab Arabnya pula.

(Burhanuddin Al Helmi, 2005: 35)

Dr Burhanuddin berkata bahawa untuk mendekati ilmu tasauf dan tariqat perlu terlebih dahulu mempelajari ilmu fizik kemudian pelajari ilmu metafizik atau “mawara’ at-tabi’ah”, ilmu-ilmu falsafah dan ilmu-ilmu perbezaan antara agama. Malahan pembacaan yang begitu meluas itu telah mendorong beliau untuk mendalami ilmu tasawuf lebih-lebih lagi ketika menyiapkan tesis Doktor Falsafah (Ph.D) di Aligarh Muslim Universiti, India.



Pengetahuan tinggi terhadap pemikiran-pemikiran moden telah membentuk

dirinya sebagai seorang reformis dan ini ditokok-tambah dengan pembelajaran yang begitu luas telah membentuk beliau sebagai intelektual Islam yang berkelulusan ijazah kedoktoran dalam bidang homeopati: *Medical Doctor of Homeopathy* (MDH).

Menurut satu sumber:

Kecuali mereka yang benar-benar rapat dengannya, saya yakin sedikit sekali orang mengenali beliau sebagai profesor dan mahaguru yang mempunyai ijazah-ijazah kedoktoran yang banyak seperti MDH (Medical Doctor of Homeopathy), ND (Doctor of Naturopathy), DD (Doctor of Divinity) dan yang terakhir sekali MDEH, saya tidak tahu gelaran sepenuhnya... (Rashidah Ismail, *Dewan Masyarakat*, 1996, Dis. (7):23)

Ijazah-ijazah kedoktoran seperti *Doctor of Divinity* dan *Doctor of Naturopathy* yang telah diterimanya daripada negara-negara yang telah diperakui oleh badan





perubatan homeopati antarabangsa dan ini terbukti apabila beliau dianugerahkan pingat emas *World Order of Human Merit*. Perolehan ijazah-ijazah tertinggi itu telah menyebabkan nama Dr Burhanuddin dicatatkan dengan tulisan emas dalam kamus riwayat hidup antarabangsa (*Dictionary of International Biography*) (W. Mohd Azam Mohd Amin. 1997:61).

Dr Burhanuddin bukan sahaja mahir dalam bidang perubatan tetapi juga seorang cendekiawan Melayu yang boleh digelar profesor, mampu menguasai dalam beberapa bahasa antarabangsa dan memiliki ijazah-ijazah yang tertinggi adalah seorang tokoh yang serba boleh. Abdullah Hussain (1969:28) telah mengiktiraf beliau dengan menyatakan:



Dr Burhanuddin merupakan putera Melayu dilahirkan untuk mengisi dunia intelektual dengan kebenaran, keindahan dan keadilan.



Sesungguhnya kembara Dr Burhanuddin di India telah diisi dengan memperolehi berbagai-bagai ijazah tinggi. Beliau mendapat ijazah Ph.D daripada Universiti Islam Aligarh, India (Saliha Haji Hassan 1974:2) ijazah kedoktoran homeopati daripada Ismaeliah Medical College, New Delhi (Rashidah Ismail, 1969:23). Pencapaian tinggi dalam bidang kedoktoran homeopati telah meletakkan beliau sebagai anak Melayu yang pertama berijazah homeopati.

Pada tahun 1935, beliau telah belayar ke Palestin sebelum kembali ke tanah air ketika berusia 24 tahun setelah melakarkan pelbagai kecemerlangan dalam bidang pendidikan di India.





1.7.2 Keperibadian

Bapa Dr Burhanuddin, Haji Muhammad Nor dikatakan berketurunan bangsawan *Melayu Jati* (Saliha Hj. Hassan 1997:46) dan menerima pendidikan daripada beberapa orang guru kenamaan di Makkah termasuk Sheikh Mohammad Khatib Minangkabau. Haji Muhammad Nor digelar oleh rakan-rakannya sebagai *Abi Halim* kerana beliau tidak mementingkan kebendaan, kesenangan dunia, seorang yang tidak mudah marah serta sentiasa tersenyum (Abdullah Zakaria Ghazali, 1997:20).

Sempena dengan gelaran bapanya; *Abi Halim*, Dr Burhanuddin mencipta pula perkataan *Al Hulaimi* di hujung namanya dan kemudian dipopularkan umum menjadi *Al Helmi*, yang bermakna “orang yang tidak marah”. Pilihan kata asal *Al Hulaimi* itu benar-benar melambangkan keperibadian Dr Burhanuddin yang lemah-lembut, santun, tenang, sabar dan pendiam. Istilah *Al Hulaimi* menurut hukum tata bahasa Arab mempunyai makna yang sama dengan *Al Helmi* tetapi dalam bentuk yang merendah atau lebih kecil (Saliha Hj. Hassan 1997:46)

Dr Burhanuddin juga dikenali dengan panggilan mesra iaitu *Pak Doktor* dalam kalangan rakan-rakan seperjuangan dan orang biasa (Saliha Hj. Hassan 1997:46). Beliau dikenang oleh golongan marhean dan yang pernah bergaul dengannya sebagai seorang yang jujur dan tidak suka berprasangka jahat terhadap rakan seperjuangan atau lawan politiknya.

Hal ini dijelaskan oleh Mustapha Hussain, rakan seperjuangannya dalam PKMM dengan menyatakan:





Dalam perdampingan saya dengan Dr Burhanuddin, saya dapati bahawa beliau seorang yang rajin, amat berjiwa rakyat, tulus dan ikhlas. Ilmu agama yang dipelajarinya di Sumatera dan India telah digunakan sepenuhnya untuk perjuangan rakyat. Tetapi beliau ada satu kelemahan. Orang-orang yang dicurigai oleh puak kiri sebagai “musang berbulu ayam” telah diterima dan dilayan seperti adik kandungnya sendiri sehinggakan banyak rahsia parti yang diketahui oleh puak penentang.

(Insun Sony Mustapha (pnyr.).1999:493)

Dr Burhanuddin mengisi masa lapangnya dengan membaca, menulis dan mendengar radio sehingga jauh-jauh malam atau beribadat. Dari segi amalan peribadinya, beliau bersungguh-sungguh mengerjakan kewajipan sebagai seorang Islam, banyak berzikir dan kerap mengalirkan air mata apabila beliau menginsafi kekerdilan manusia dalam hubungan dengan pencipta-Nya. Beliau gemar mengamalkan sembahyang tahajud pada waktu dinihari dan pengikut setia Tariqat Na'syabandiah. (Saliha Hj Hassan, 1997:22).

Dr Burhanuddin seorang ahli sufi walaupun beliau tidak pernah mengatakan bahawa beliau seorang ahli sufi. Hal ini dinyatakan oleh seorang rakan seperjuangan bernama Abdul Majid Salleh (1991:5-6) dengan menyebut bahawa:

Sepanjang hayat saya, saya belum pernah lagi berjumpa dengan orang-orang yang berkebolehan seperti Dr Burhanuddin. Ramai yang sufi tetapi tidak pula alim bahasa, ramai pula orang alim bahasa tetapi bukan pula ahli politik, ramai orang ahli politik tetapi bukannya orang sufi, ada juga agaknya orang yang ahli bahasa merangkap ahli politik tetapi bukannya seorang doktor perubatan, dan doktor jiwa atau, mungkin ada memiliki segala-galanya yang dimiliki oleh Dr





Burhanuddin umpamanya tetapi tidak serendah hati beliau terhadap semua manusia.

Di samping sifat-sifat yang dinyatakan oleh Abdul Majid Salleh itu, kejujuran dan kelurusan yang ada pada diri Dr Burhanuddin dilihat oleh rakan-rakan politiknya sebagai satu kelemahan yang boleh dieksploitasi oleh musuh politiknya. Menurut Ahmad Boestamam (1972:31);

“Suatu kelemahan Dr Burhanuddin, jika ini boleh dikatakan kelemahan, ialah lurus dan jujur. Kalau ada orang datang kepadanya dan mengatakan bahawa dia ingin masuk menjadi anggota PKMM kerana dia menganggap Dr Burhanuddin pemimpin yang baik dan sudah sejak lama dimuliakannya maka dengan penuh kejujuran orang itu akan diterimanya menjadi anggota tanpa perlu menyiasat latar belakangnya terlebih dahulu.”



Dr Burhanuddin juga seorang pemimpin yang senang didampingi oleh sesiapa sahaja malahan cepat pula mesra dengan orang lain kerana sifatnya yang tidak suka menghampakan orang yang mengharapkan bantuan atau khidmatnya. Hal ini diakui oleh Ahmad Boestamam (1972:37). Katanya;

“Berlainan dari setengah2 pemimpin yang semakin besar semakin sukar didampingi rakyat, Dr Burhanuddin adalah sebaliknya. Dia mudah didatangi oleh sesiapa sahaja dari yang setinggi-tingginya hingga yang serendah-rendahnya... bukan sekadar didatangi bahkan mendatangi pun dia demikian mudahnya. Jemputlah dia ke mana saja tempat yang sekecil-kecilnya dan sejauh di pedalaman pula dia pasti akan memenuhi jemputan itu kecualilah kalau dia uzur. Tidak baik mengechiwakan harapan orang, demikian dia selalu memberitahu kami kawan2 seperjuangan”





Meskipun demikian, Dr Burhanuddin tidak mudah dipermain-mainkan, hatinya cukup keras walaupun orangnya tampak lembut tetapi sukar sesiapa untuk mempengaruhinya. Hal ini terbukti sewaktu Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) dan *All Malaya Council for Joint Action* (AMCJA) dalam proses menggubal Perlembagaan Rakyat mengenai kerakyatan; dia tidak mahu menerima *jus soli* dan soal nama kerakyatan “Malayan” sebaliknya berkeras dengan kerakyatan yang bernama “Melayu”(Ismail Said 2008: 4).

Keperibadian dan keistimewaan Dr Burhanuddin telah digambarkan oleh Farish A. Noor seperti berikut:

Dr Burhanuddin sangat terbuka, toleran dan pragmatik watak dan mindanya. Oleh kerana itu dia diterima oleh semua pihak, termasuk parti-parti sekular haluan kiri seperti Parti Rakyat dan Front Sosialis pada masa itu. Dr Burhanuddin dihormati oleh tokoh-tokoh lain seperti Ahmad Boestamam, pemimpin Parti Rakyat pada masa itu. (<http://www.ummahonline.com/indexmodules.php?name=Nes&file=file=print&side=53>).

Gambaran yang dinyatakan oleh Farish A. Noor amat bertepatan pula dengan tulisan Abdullah Hussain, seorang yang pernah hidup dan berdampingan dengan Dr Burhanuddin yang dengan jelas dapat menggambarkan keperibadian beliau. Mengikut Abdullah Hussain (1969:26);

“Walaupun pertama kali berjumpa dengan Dr Burhanuddin tetapi kita merasakan seperti berjumpa dengan seorang kawan lama. Tutar katanya dan gerak gerinya menarik hati, senyum dan tenungan matanya membuat kita untuk duduk lebih lama mendengar percakapannya. Ia menghadapi kita sebagai seorang bapa yang penuh pengertian atau sebagai seorang guru yang ingin menyampaikan ilmunya seberapa yang dapat. Ia seorang pasifis yang cintakan keamanan, tidak mau menyakiti





orang walaupun kadang-kadang terpaksa menerima kesakitan itu. Ia selalu menjauhkan dirinya daripada berbuat salah tetapi dia selalu menjadi korban daripada kesalahan orang lain. Namun demikian ia tidak pernah mengeluh atau menyesali orang itu, ia tidak kenal dengan marah.”

Sifat-sifat keperibadian yang dimiliki oleh Dr Burhanuddin itu telah menonjolkan beliau sebagai seorang yang istimewa kesabaran dan ketekunannya dalam memperjuangkan cita-cita politiknya iaitu kemerdekaan tanah air, kebangsaan Melayu dan Islam.

1.7.3 Zaman Perjuangan

Kegiatan politik Dr Burhanuddin dikesan semenjak awal 30-an iaitu apabila beliau ditahan oleh British akibat penentangan terhadap *Deklarasi Belfour* di Palestin. Beliau telah ditahan beberapa bulan di sana (W. Mohd Azam Mohd Amin 1997: 68). Namun penglibatan politiknya di tanah air bermula sekitar tahun 1935 setelah kembali daripada luar negara dan sehingga akhir hayatnya pada tahun 1969.

Sebaik sahaja Dr Burhanuddin pulang ke tanah air dari Palestin, dia terus menjadi guru bahasa Arab di Sekolah Arab Al Juned, Singapura. Di samping itu, beliau juga aktif di dalam pergerakan Islam di pulau itu (Kamarudin Jaffar 1980:5) misalnya dengan menyertai Jama'atul Islamiah. Pada tahun 1937, beliau menerbitkan sebuah majalah bernama *Taman Bahagia* yang secara terang-terangan anti-British. Saliha (1974:2) telah menulis:





When he come back to Singapore in 1938, he edited an anti-British newspaper called “Taman Bahagia”. This effort was shortlived since he was arrested by British authority within one and half hours of its publication

Umur majalah ini tidak panjang hanya sempat beredar untuk keluaran pertama kerana dianggap berbahaya oleh pemerintah Inggeris. Kerana majalah ini dia ditahan oleh polis cawangan khas Singapura selama enam bulan (Roslan Saadon 2009:199). Selepas dibebaskan, beliau membuka klinik homeopati yang pertama di Singapura (Roslan Saadon 2009:199) dan di Johor Bahru dengan bantuan seorang doktor India bernama Dr.N.Rajah (Rashidah Ismail 1969: 23).

Pada tahun 1939, beliau diperkenalkan kepada KMM oleh Mustapha Hussin, salah seorang pemimpin kanan pertubuhan itu. Dr Burhanuddin dianggap tidak bahaya dalam KMM kerana tidak begitu aktif berbanding pemimpin-pemimpin KMM yang lain seperti Ibrahim Hj. Yaakob, Ishak Haji Muhammad (Pak Sako), Ahmad Boestamam dan Sutan Djenain. Justeru itu, beliau terlepas daripada mangsa tangkapan British pada tahun 1940 iaitu menjelang Perang Dunia ke-2.

Semasa pendudukan Jepun, Dr Burhanuddin diberikan jawatan tertinggi bagi orang Melayu iaitu Penasihat Adat Istiadat dan Kebudayaan Melayu (*Advisor on Malay Custom and Culture*) dan berpejabat di Markas Pentadbiran Tentera Jepun di Taiping (Kamaruddin Jaffar 1980: 5).

Menerusi jawatan tersebut beliau menggunakannya sebagai wadah untuk pembebasan Tanah Melayu dari penjajahan dengan berpeluang bergaul pemimpin-





pemimpin Islam seperti Ustaz Abu Bakar Baqir serta mendampingi, melindungi dan membantu pusat pendidikan Islam yang terkemuka, Maahad II-Ihya AsSyarif di Gunung Semanggol dari segi sosial dan politik (Nabir Hj. Abdullah 1976:87).

Perhatian beliau terhadap Maahad ini begitu tinggi kerana sebelum pendudukan Jepun, institusi ini telah banyak melahirkan guru-guru yang berpendidikan agama. Hal ini terbukti dengan penglibatan beliau dalam penubuhan Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya (PEPERMAS) pada 22-24 Mac 1947 dan Majlis Islam Tertinggi Se-Malaya (MATA) (Nabir Hj. Abdullah 1976: 110) yang kemudiannya membuka jalan kepada pembentukan parti Islam yang pertama iaitu Hizbul Muslimin (HM) pada 14 Mac 1948 di Maahad II-Ihya AsSyarif, Gunung Semanggol, Perak (Roslan Saadon 2009: 204) (Nabir Hj. Abdullah 1976: 59).



Peranan Dr Burhanuddin dalam HM tidak menyerlah kerana pada bulan Jun 1948 undang-undang darurat telah diistiharkan oleh British sekali gus HM diharamkan dan beberapa pemimpinnya telah ditangkap termasuklah pengasasnya seperti Abu Bakar Baqir dan Ustaz Abrab Tamimi.

Sebelum itu, pada tahun 1945, Dr Burhanuddin pernah bersama-sama Onan Siradj, Ibrahim Hj. Yaakob dan lain-lain pemimpin KMM menubuhkan KRIS yang dirancang dengan sokongan Jepun untuk menguruskan kemerdekaan Malaya dalam konsep *Indonesia Raya* (Kamaruddin Jaffar 1980: 5).

Pada 12 Ogos 1945, Dr Burhanuddin dan Ibrahim Hj. Yaakob mewakili KRIS mengadakan pertemuan dengan Ir. Sukarno dan Dr. Mohamad Hatta di Taiping bagi





membincang untuk mengistiharkan kemerdekaan Tanah Melayu (Malaya) dan Indonesia secara serentak pada 17 Ogos 1945.

Rancangan ini gagal kerana tiga hari sebelum tarikh pengistiharan kemerdekaan akan diumumkan iaitu pada 14 Ogos 1945, Jepun secara tiba-tiba terpaksa menyerah kalah kepada kuasa Berikat setelah Nagasaki dan Hiroshima dimusnahkan oleh serangan dua butir bom atom Amerika Syarikat pada 6 dan 9 Ogos 1945. Akibat penyerahan Jepun ini telah memberi peluang kepada British menduduki Malaya semula (Saliha Hj Hassan 1997: 27).

Walaupun Sukarno meneruskan rancangan, Dr Burhanuddin tidak dapat berbuat demikian untuk Tanah Melayu kerana kumpulan-kumpulan yang menentang Jepun telah pun menguasai keadaan. Selama 14 hari Tanah Melayu dikuasai Bintang Tiga (ahli-ahli MPAJA dan PKM) sebelum Inggeris mengambil alih tampok kekuasaan melalui *British Military Administration* (BMA). Bayangkanlah sekiranya rancangan ini tidak gagal, kedudukan Dr Burhanuddin dalam *hiearki* politik dan pemerintahan negara tidak syak lagi menjadi amat tinggi dan penting sekali.

Namun begitu, kegagalan ini tidak mematahkan semangat Dr Burhanuddin untuk membebaskan tanah air dari cengkaman penjajah. Beliau memimpin PKMM setelah ia ditubuhkan pada 17 Oktober 1945 dalam satu kongres Melayu di Ipoh. PKMM merupakan pertubuhan politik Melayu yang pertama diasaskan selepas British kembali semula mencengkam Tanah Melayu.





Moktaruddin Lasso ialah Presiden yang pertama dan Dr Burhanuddin sebagai Naib Presiden (Kamaruddin Jaafar 1980:5). Apabila Mokhtaruddin Lasso menghilangkan diri beberapa bulan setelah PKMM ditubuhkan, Dr Burhanuddin dilantik mengantikan tempatnya.

Ketika parti itu di bawah pimpinan Dr Burhanuddin, PKMM menyertai pakatan 39 buah pertubuhan Melayu seluruh tanah air untuk menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya (PEKEMBAR) atau *United Malays National Organization* (UMNO) pada 11 Mei 1946. UMNO ditubuhkan untuk menentang habis-habisan gagasan Malayan Union (MU) yang diperkenalkan oleh British melalui Harold Mac Micheal (Kamaruddin Jaafar 1980:6).



Dr Burhanuddin dalam bukunya berjudul *Perjuangan Kita* (1947) ada menyebut bahawa PKMM mempunyai beberapa sebab mengapa perpisahan terpaksa dilakukan. Antaranya beliau berkata:

“Setelah kita rasa dan ukur perasaan jiwa perjuangan kita dan rasa jiwa perjuangan Pertubuhan Kebangsaan Melayu berlainan “rail” (landasan). Ada lebih baik buat sementara untuk melapang dan memudahkan masing-masing menuju dan berjuang membela hak dan keadilan putera Melayu”

Dr Burhanuddin agak radikal dalam sebarang tindakan demi memperjuangkan prinsip politiknya. Ini jelas terbukti pada bulan Februari 1947, PKMM, API, AWAS dan beberapa pergerakan lain bergabung dalam satu pertubuhan bernama PUTERA untuk menentang UMNO dalam menentukan corak dan lanskap politik Malaya.





Kemudian PUTERA bersekutu pula dengan AMCJA bergabung tenaga untuk menentang UMNO dan British. Gabungan ini dipengerusikan oleh Dr Burhanuddin (1955) dengan menegaskan pendiriannya.

“Tetapi kita terpaksa berpisah kembali kerana perbezaan anggaran dasar perjuangan, kita akan kecewa selagi kita berada dalam PKMBAR (UMNO) iaitu kita akan menjadi alat penjajah maka terpaksa kita keluar”.

Dr Burhanuddin ketika memimpin PUTERA-AMCJA berjaya menggerakkan dan merangka suatu perlembagaan alternatif kepada perlembagaan yang dikemukakan British. Perlembagaan ini kenali sebagai *The People's Constitution of Malaya* atau Perlembagaan Rakyat. Perlembagaan ini menggariskan perjuangan PKMM dan juga etnik bukan Melayu dalam AMCJA yang memperlihatkan kerjasama dan kehendak pelbagai kaum di Malaya tetapi telah ditolak oleh British dan UMNO.

Inggeris mendakwa Perlembagaan Rakyat itu merupakan pandangan peribadi seseorang dan tidak mewakili pelbagai kaum. Hal ini dinyatakan oleh O.H Morris, Pegawai di Pejabat Kolonial pada minit “memorandum cadangan perlembagaan 1946 yang dihantar oleh Tan Cheng Lock pada 23 Julai yang menyebut bahawa perlembagaan itu hampir serupa dengan suatu bab (muka surat 148) dalam bukunya (Tan Cheng Lock) iaitu *Malayan Problem* (Ahmat Adam: CO 537 / 2145, CO 537 / 2148, Bourdillon kepada Gent, 20 November 1947 dan CO 5371 / 2148, Gent kepada Bourdillon, 4 Oktober 1947).

Pada bulan Mac-April 1947, Dr Burhanuddin mengetuai perwakilan Malaya ke *Inter-Asian Relations Conference* di New Delhi (Kamarudin Jaffar. 1980:7).





Persidangan ini membuka peluang baginya berkenalan dan berbincang tentang gerakan-gerakan menentang penjajahan bersama-sama pemimpin kemerdekaan negara-negara Asia. Kepimpinannya terserlah dalam persidangan ini beliau dilantik sebagai anggota Jawatankuasa Perhubungan Bangsa-bangsa Asia mewakili rantau ini.

Pada tahun 1948, berlaku penangkapan pemimpin-pemimpin politik Melayu secara besar-besaran oleh Inggeris, Dr Burhanuddin terlepas daripada tangkapan lalu berpindah ke Singapura namun dua tahun kemudian iaitu pada bulan Disember 1950, beliau ditangkap oleh Inggeris kerana disyaki terbabit dalam kes Natrah Hertogh. Beliau dibebaskan setahun kemudian.

Pada April 1955, Dr Burhanuddin dijemput menghadiri *Kongres Pemuda Melayu SeMalaya* di Kuala Lumpur. Beliau, kemudian dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemandu dan sekali gus diberi mandat mewakili Malaya ke Persidangan Afro-Asia yang diadakan di Bandung. Sekembalinya dari Bandung, Dr Burhanuddin berkempen dalam pilihan raya kebangsaan pada bulan Julai 1955 atas *platform* Barisan Kebangsaan Melayu yang telah ditubuhkan oleh Kongres Pemuda Melayu seMalaya (Kamarudin Jaffar 1980: 8).

Mengenai pilihan raya tersebut, Dr Burhanuddin dikatakan mengkritik UMNO dan Parti Negara (pemimpinnya, Dato' Onn Jaafar) dan menyatakan keraguan terhadap perjalanan pilihan raya tersebut (Means G.P 1976:154) tetapi Means tidak pula menyatakan sebabnya.





Selepas pilihan raya itu, Dr Burhanuddin turut terlibat dalam penubuhan Parti Rakyat Malaya (PRM) yang diasaskan oleh Ahmad Boestamam. Namun setelah PRM dilancarkan pada 11 November 1955 atas persetujuan Dr Burhanuddin, Ahmad Boestamam dilantik menjadi Ketua Umum (Ahmad Boestamam 1972b:45) sebaliknya beliau meninggalkan PRM kerana menerima jemputan menjadi ahli PAS iaitu pada bulan Disember 1956 (Kamarudin Jaffar 1980:8).

Dua minggu selepas menjadi ahli PAS iaitu pada 25 Disember 1956 dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-5, Dr Burhanuddin terpilih sebagai Yang Dipertua Agung PAS (Kamarudin Jaffar 1980:8). Semasa Pilihan Raya Umum (PRU) tahun 1959 beliau memenangi kerusi Parlimen Besut, Terengganu atas tiket PAS tetapi pada PRU 1964 beliau didapati tidak layak bertanding kerana sebuah mahkamah mendendanya sebanyak \$25,360 bersabit satu kesalahan teknikal dalam sebuah syarikat perniagaan (Saliha Hj. Hassan 1974:50) (Ratnam 1967:17).

Pada Januari 1965, Dr Burhanuddin ditahan di bawah akta ISA kerana didakwa terbabit menyokong Indonesia dalam konfrontasi Malaysia-Indonesia. Semasa dalam tahanan beliau jatuh sakit dan penyakitnya tidak sembuh setelah dibebaskan pada bulan Mac 1966. Pembebasan beliau bersyarat – tidak boleh melibatkan diri dalam politik tetapi pada 22 September 1969 syarat tersebut ditarik balik. Namun pada 25 Oktober 1969 Dr Burhanuddin meninggal dunia kerana keuzuran.





1.7.4 Korelasi Pengarang dengan Pemikiran Politik

Sebagai seorang penulis, Dr Burhanuddin telah menghasilkan beberapa buah buku dan koleksi pidato. Karyanya merangkumi pelbagai bidang seperti perubatan, politik dan tasawuf. Karangan beliau dalam bidang perubatan homeopati ialah *Falsafah Perubatan Homeopathy*, *Biochemistry*, *Materia Medica*, *Sejarah Perubatan*, *Asas Pamkopia Homeopathy* dan *Mutiara Homeopathy* (Dali Muin. 1985:66).

Karya dalam bidang politik dan tasawuf ialah *Perjuangan kita* diterbitkan pada tahun 1946, *Falsafah Kebangsaan Melayu* (1954), *Ugama dan Politik* (1954), *Ideologi Politik Islam* (1957), *Arab Perjalan Politik Tanah Melayu Sekarang* (1963) dan *Simposium Tasawuf dan Tariqat* (1972 cetakan ke-2), *Mutu Kerajinan* (?), *Asuhan Kesihatan* (?) dan *Mencari Allah* (?) serta sebuah artikel beliau dalam buku *Islam dan Sosialisme* terbitan pada tahun 1988.

Kebanyakan karya Dr Burhanuddin bertemakan politik yang khususnya membicarakan pandangan serta korpus pemikiran politik yang diutarakan oleh beliau seperti konsep politik Islam, falsafah kebangsaan Melayu, Melayu Raya, ilmu tariqat dan sebagainya. Di samping menulis beliau terlibat sebagai penyunting majalah *Kehidupan Dunia Akhirat* (Abdul Rahman 1994: 125). Jelas menunjukkan bidang penulisan juga merupakan satu lagi kemahiran yang ada pada diri beliau. Dr Burhanuddin adalah satu-satunya tokoh politik Melayu yang menulis sendiri teks ucapan beliau dan kemudiannya diolah untuk dijadikan buku politik (Fuzy 2005:293).





1.7.5 Sikap dan Idealisme Politik

Dr Burhanuddin merupakan tokoh politik yang terkemuka dalam sejarah politik Malaysia amnya dan dalam kelompok golongan kiri khasnya. Penglibatan beliau dalam bidang politik, perjuangan kemerdekaan dan ilmu perubatan homeopati yang meletakkan Islam sebagai asas segala keterlibatannya itu menjadikan ketokohnya sesuatu yang menarik untuk diketahui oleh generasi baru.

Sesungguhnya, sesuatu bangsa yang berjiwa besar adalah bangsa yang mampu mengangkat dan memartabatkan tokoh-tokoh mereka ke persada sejarah ketamadunan bangsa itu sendiri.



menguatkan tamadun bangsa Melayu serta bagi memenuhi kepentingan dan *survival* masyarakat dan agama. Walaupun idealisme itu tidak semestinya diterima-pakai oleh *massa*, sebaliknya kemampuan dan komitmennya terhadap apa jua yang diperjuang merupakan satu teladan yang seharusnya dikenang dan diberi perhatian oleh sejarah dan masyarakat masa kini.

Dalam era politik Melayu pra-merdeka dan gerakan perjuangan kemerdekaan, Dr Burhanuddin bergerak atas idealisme perjuangan yang tersendiri. Beliau meletakkan Islam sebagai tunjang kepada sesuatu perjuangan terutama dalam cita-cita untuk membina Tanah Melayu (Malaya) sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.





Matlamat perjuangan politik Dr Burhanuddin ialah untuk mengotakan gagasan *Melayu Raya* sebagai negara-bangsa meskipun tidak kesampaian, namun beliau telah bekerja keras untuk mengejar cita-cita tersebut. Justeru ada setengah pihak menganggap beliau sebagai *seorang yang hidup kerana cita-cita* tetapi apa yang lebih penting, beliau telah memperkenalkan beberapa idealisme yang menunjangi pemikiran politiknya.

Dalam tempoh melebihi tiga dekad itu, pengkaji mengesani bahawa Dr Burhanuddin mempunyai idealisme politik yang tersendiri yang terpancar daripada tindakan, ucapan serta tulisan beliau. Bekas pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Kamarudin Jaffar (1980:9) merumuskan bahawa pemikiran politik Dr Burhanuddin mempunyai tiga ciri utama iaitu: (i) Merdeka, (ii) Kebangsaan



Melayu dan (iii) Islam.

Ketiga-tiga ciri ini adalah saling berkaitan dan bertindan-lapis di antara satu dengan yang lain (1980:9). Dr Burhanuddin menyuarakan ketiga-tiga ciri ini dalam satu masa. Lantaran itu agak sukar menyaringkan ciri manakah yang menjadi keutamaan beliau.

Walau bagaimanapun, dapatlah disimpulkan bahawa Dr Burhanuddin berjuang dalam arena politik berlandaskan kerangka idealisme tersebut meskipun menggunakan *platform* aliran kiri.

Namun demikian, ciri Islam dilihat telah mendominasi pemikiran politik beliau seperti yang digambarkan dalam bukunya, *Perjuangan Kita* (1946); beliau





membayangkan bahawa keyakinannya terhadap negara-bangsa berlandaskan kepada “kata-kata mashyur” Arab yang bererti *kasihkan watan itu sebahagian daripada iman* (1946:80). Ini berasaskan kepada falsafah yang dikemukakan dengan menggariskan bahawa iman (nyawa), tubuh, bangsa dan watan (tanah air) adalah komponen utama untuk pembinaan sesebuah negara atau watan.

Susunan pandangan beliau adalah tonggak empat *serangkai* dalam pembinaan watan yang diperjelaskan sebagai berikut:

Iman berdiri atas tubuh, tubuh berdiri atas bangsa dan bangsa berdiri di atas watan. Salah satu daripada yang empat ini tiada boleh bercerai tanggal dalam binaannya tetapi watan jadi pokok. Ada watan ialah dengan kuat bangsa. Kuat bangsa keluar dari tubuh yang sihat, kuat dan perkasa seperti pekerja, pahlawan, perajuritnya terletaknya iman (1948:48).



Kekuatan iman sesuatu bangsa itu adalah asas utama untuk mendirikan negara. Falsafah inilah yang cuba diterapkan oleh Dr Burhanuddin kepada bangsa Melayu dalam perjuangan mendapatkan kemerdekaan. Justeru itu, dalam membentuk kekuatan iman dan jiwa merdeka, beliau menanamkan roh perjuangan yang dikenali sebagai *Falsafah Kebangsaan Melayu* yang telah disesuaikan dan diselaraskan dengan kehendak agama.

Menurutnya *Falsafah Kebangsaan Melayu* bukanlah *asabiyyah* yang menuju ke arah kesempitan atau taksub kepada kaum sendiri, tetapi sebaliknya ia ditafsirkan dengan skop yang lebih meluas dan kebebasan sejati. Oleh sebab itu, nasionalisme





menurut pandangan beliau, boleh disesuaikan dengan Islam kecuali yang diharamkan iaitu *asabiyyah jahiliah*.

Kegigihan dan kesungguhan Dr Burhanuddin menentang dan cuba sedaya upaya merealisasikan pemikiran politiknya itu, merupakan suatu perkara yang menarik untuk dikaji dan dianalisis. Apatah lagi skop pemikiran politik itu agak terarah kepada Islam, sekali gus memaparkan ciri-ciri kelainan dan amat berbeza sekali berbanding pemikiran politik Ahmad Boestamam juga seorang tokoh nasionalis Melayu berhaluan kiri yang sezaman dengannya.

Sementara itu, korpus pemikiran politik Dr Burhanuddin turut diperjelaskan lagi oleh W. Mohd Azam Mohd Amin yang merumuskan idealisme politik beliau menjurus kepada tiga dasar yang utama: (i) Semangat keIslaman, (ii) Semangat Kebangsaan yang luas dan (iii) Penentangan terhadap penjajah (1997:75).

Idealisme-idealisme ini diperjuangkannya menurut kesesuaian dengan perkembangan politik mengikut tahap perjuangan. Misalnya dimulakan dengan proses membangkitkan kesedaran orang Melayu untuk merdeka dan memerintah sendiri. Ini diikuti dengan menyatu-padukan jiwa-jiwa yang telah disedarkan dan bermaruah ke dalam satu pergerakan yang berkesan dan mampu untuk menentukan rupa bangsa dan asas-asas pemerintahannya sendiri (Saliha Hj Hassan 1974:38).

Dalam perjuangan politik, Dr Burhanuddin tidak terkeluar dari tiga dasar di atas. Perjuangannya yang berasaskan Islam, tanah kebangsaan yang asal dan juga kemerdekaan bangsa daripada penjajahan terbukti sukar ditandingi apabila diberi





mandat memimpin satu pergerakan atau pertubuhan. Kepimpinannya menggerakkan KMM (1945), Presiden KRIS (1945), Presiden PKMM (1946), Pengerusi PUTERA-AMCJA (1947), Penasihat PRM (1955) dan Presiden PAS (1956) tetap unggul dan karismatik.

Implikasi daripada keunggulan ini, Dr Burhanuddin telah digelar dengan pelbagai gelaran seperti *Pejuang Islam*, *Sayap Islam* (Funston 1980:119), *Radikal Melayu* (Stockwell [?thn]: 130), *Sayap Kiri* (Saliha Hj Hassan 1974:5), *Tokoh Nasionalis Melayu* (Suzy dan Khairulnizam 2013:3), *Bapa Kebangsaan Melayu* (Ahmad Boestamam 1972:76), *Putera Besar Melayu Raya* (Zabidin Hj Ismail 1996:20), *Tokoh Pengungkap Faham Kebangsaan* (Siddiq Fadzil 2012:32), *Pemikir Islam* (Zeenath Kausar 2005:293), *Tokoh Nasionalis Antarabangsa* (Kamaruddin 1980:11), dan tidak kurang juga dengan tuduhan bahawa beliau terpengaruh dengan komunis dan sosialis (Alias Mohamed 1982:108).

Namun begitu beliau tetap berjuang atas idealisme yang berlandaskan atas tiga dasar yang dibincangkan di atas tanpa menghiraukan lemparan gelaran-gelaran itu, walaupun ada setengahnya sinis, kecaman dan berbentuk provokasi.

1.8 Definisi Operasional

Definisi operasional bermaksud huraian makna dengan cara mengukur gagasan yang khusus dalam konteks penyelidikan ini. Pengertian operasional ialah hal yang berkaitan dengan operasi (*Kamus Dewan* 2015:1099) dan operasional pula berhubung rapat dengan konsep dan istilah. Menurut Ahmad Mahmood Musanif (1996:254),





konsep ialah pendapat atau pengertian yang terbentuk dalam fikiran tentang sesuatu atau tanggapan.

Kajian ini banyak menggunakan istilah dan konsep yang perlu dijelaskan bagi mengelak sebarang kekeliruan yang boleh menjejaskan objektif dan kepentingan kajian. Selain itu huraian tersebut akan dapat membantu dan menyokong analisis penyelidikan kelak. Antara istilah dan konsep utama yang dibincangkan adalah seperti di bawah ini:-

1.8.1 Pemikiran Politik

Pemikiran politik (*political thought*) adalah kata gabung berasal daripada dua kata dasar iaitu *pemikiran* dan *politik* yang sekali gus membentuk makna atau maksud yang tersendiri. Secara hurufiahnya, pemikiran ialah fikiran atau idea yang wujud daripada golongan intelek yang telah menggunakan akalnyanya dalam memikirkan sesuatu masalah dalam masyarakat yang melibatkan dirinya atau di luar lingkungannya; dan pemikiran itu disebarkan ke dalam lingkungan masyarakatnya atau ke luar daripada masyarakatnya sebagaimana yang ditakrifkan oleh S. Othman Kelantan (1997: 8). Jelas beliau;

“Oleh sebab golongan intelektual itu mempunyai daya berfikir yang tinggi dan peka terhadap masalah yang timbul pada zamannya, yang mungkin boleh mengancam keudukannya sebagai individu dalam masyarakatnya, maka mereka telah menggunakan pelbagai cara untuk merakamkan fikiran dan ideanya.





Maksudnya, pemikiran adalah idea yang dikemukakan oleh seseorang intelektual itu kepada masyarakat atau di luar masyarakatnya semata-mata bagi menyelesaikan masalah masyarakat. Penyebaran fikiran atau idea itu dijalankan dalam pelbagai cara atau kaedah serta pendekatan (*approach*) yang bersesuaian dengan penerimaan masyarakat.

Di samping itu, Abdul Rashid Moten (1996:17) menyatakan bahawa istilah politik merupakan perkataan yang diambil daripada bahasa Greek iaitu “polis” yang memberi erti “sebuah kota” atau *a city* dan secara umumnya bermaksud “pengurusan kenegaraan” manakala Lukman Taib (1999:6) berpendapat istilah politik bersamaan dengan bahasa Latin yang menggunakan perkataan *politicos* atau *politica* dengan memberi makna “pengurusan pemerintahan” tetapi menurut *Kamus Dewan* (1994: 1049) dalam bahasa Melayu pula pengertian politik adalah berkaitan dengan ilmu (pengetahuan) cara pemerintahan.

Political Science Dictionary (1973: 291) mentakrifkan politik sebagai kegiatan manusia yang berkaitan dengan usaha membuat dan melaksanakan keputusan yang terletak pada autoriti masyarakat. Maksudnya, politik merupakan proses bagaimana manusia berhadapan dengan konflik di antara dua pihak yang membabitkan perebutan kuasa dan diselesaikan dengan autoriti masyarakat di dalam lingkungan konflik itu.

Sebaliknya, David Eastone (1971: 9) berpendapat bahawa politik: “*Is the arena in which binding social value are “allocated” that is, where competing prescriptions for public actions adjudicated and winning are translated into gains or rewards for certain group in the form of governmental policies*”. Oleh itu secara





umumnya, pemikiran politik bermaksud satu kesatuan yang terjalin di antara idea, falsafah, doktrin, konsep dan juga teori tentang kewujudan institusi negara.

Ertinya di dalam kerangka yang lebih luas, menurut Lukman Taib (1999: 16), pemikiran politik merangkumi pemikiran-pemikiran, teori-teori dan nilai-nilai yang merangkumi dasar dan perlakuan politik. Ia termasuk teori-teori yang digunakan bagi menerangkan perlakuan politik dan mekanisme bagi mengaturnya.

1.8.2 Politik Islam

Islam merupakan sistem yang tersusun dan mempunyai prinsip-prinsip yang tetap. Dalam politik Islam, menurut Al-Maududi, seorang tokoh terkenal gerakan Islam di Pakistan bahawa terdapat tiga prinsip yang tetap iaitu *Tauhid*, *Risalah* dan *Khalifah* (Mustafa Haji Daud, 1989: 31-32).

Tauhid bermaksud percayakan Allah SWT adalah Tuhan yang wajib disembah dan pentadbir sekalian alam merupakan prinsip utama dalam politik Islam. Manusia perlu menjalankan tanggungjawabnya kepada Allah SWT dengan mentaati-Nya kerana mereka dijadikan di muka bumi ini bagi menyembah Allah SWT seperti dalam suruh al-Dzariyat ayat 56: “Dan tidak Aku (Allah) mencipta jin dan manusia melainkan supaya menyembah-Ku”.

Di samping itu, manusia juga mesti berlaku adil dalam hubungan dengan manusia, alam dan tidak melakukan kerosakan dan akhirnya perlulah ikhlas dalam setiap perkara. Setelah risalah tauhid disampaikan kepada mereka maka manusialah





yang perlu mengadakan undang-undang yang boleh dimanfaatkan oleh semua rakyat. Walaupun manusia telah menjadi khalifah Allah (pemimpin) bagi mengatur perjalanan alam namun tidak bermakna merekalah berkuasa sepenuhnya.

Manusia masih lagi berada di bawah kekuasaan atau undang-undang Allah SWT. Tidak ada sesiapa pun di atas muka bumi ini yang boleh menandingi undang-undang yang telah digubal-Nya seperti mana yang tertera di dalam al-Quran. Justeru pembentukan negara Islam misalnya hendaklah berasaskan institusi khalifah yang mewajibkan pelaksanaan undang-undang Islam.

Setiap konsep yang hendak disesuaikan dengan Islam tidak boleh terlepas daripada landasan *Hasanah Fi al-Dunya wa Hasanah fi al-Akhirah* yang bermaksud kehidupan manusia akan bersambung ke alam akhirat, iaitu alam penerimaan balasan yang kekal abadi.

Dalam Islam manusia mempunyai dua unsur yang perlu diseimbangkan iaitu jasmani dan rohani. Justeru pembentukan konsep politik Islam perlu mengambil kira faktor di atas walaupun Islam tidak menetapkan cara dan bentuk perlaksanaannya.

Apa yang wajar dilakukan ialah melihat ciri-ciri politik yang sesuai seperti *khalifah*, *syura* dan *bai'ah* yang seharusnya menjadi panduan dan pedoman dalam melaksanakan cita-cita politik Islam yang bersumberkan al-Quran dan Sunnah Rasul Allah. Ini dapat dilihat dalam surah al-Hadis ayat 25 iaitu:

Sesungguhnya kami telah mengutuskan Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah Kami turunkan bersama mereka al-Kitab dan neraca (keadilan) supaya manusia dapat





melaksanakan keadilan. Dan Kami ciptakan besi yang padanya terdapat kekuatan yang hebat dan berbagai-bagai manfaat bagi manusia.

Oleh itu, jelas sekali al-Quran merupakan sumber kepada undang-undang Islam dan neraca merupakan keadilan yang wajar dilakukan dalam segala perlaksanaan undang-undang di dalam pentadbiran atau institusi khalifah. Besi pula adalah lambang kekuatan yang merupakan dasar pemerintahan Islam yang bakal menjamin keamanan, kemakmuran dan keadilan sejagat (Mustafa Haji Daud, 1989: 36). Kekuatan inilah sepatutnya ada dalam sesuatu pemerintahan agar dapat menentang segala kejahatan, kezaliman dan sebagainya.

Matlamat politik Islam supaya menyediakan ruang selesa kepada manusia untuk mencapai *al-falah* iaitu kesejahteraan, keberuntungan dan kemenangan di dunia dan di akhirat.

1.8.3 Teks Sosial atau Teks Luaran

Pengertian teks sosial atau teks luaran ini merangkumi pengalaman pengarang sama ada dari aspek sejarah, moral, budaya, kepercayaan, ideologi dan sebagainya. Teks sosial merupakan sumber rujukan penting dalam kajian ini kerana sesebuah karya tidak dapat dipisahkan dengan teks sosial (Mana Sikana, 1990: 105-106) yang saling membantu bagi memahami mesej.

Dalam konteks kajian, latar belakang pengarang, senario dan sejarah kebangkitan semangat nasionalisme, aksi kolonial, reaksi terhadap penjajah Inggeris





dan Jepun serta sejarah kemerdekaan negara akan diteliti dan dihubungkan dengan dapatan daripada teks kajian atau teks dalaman seperti estetik, imaginatif dan ilusi dalam sampel kajian mempunyai perkaitan erat dengan teks sosial.

1.8.4 Nasionalisme

Istilah nasionalisme masih belum ada takrifan yang tepat dan lengkap. Kepayahan untuk mentakrifkannya barangkali disebabkan oleh sifatnya yang berbeza-beza dan berubah-ubah mengikut sejarah dan struktur sosial sesebuah negara. Perkataan Latin ini akarnya adalah *nation* yang berasal daripada aksara *natu* yang bermaksud *birth* atau *born* (Kapur A.C 2004: 65) yang membawa makna sekelompok manusia yang berketurunan atau rumpun yang sama.



Nation atau bangsa, lazim juga dimengertikan sebagai manusia yang bermastautin di negerinya sendiri (Deutsch 1966: 17-18). Maka, dapatlah dikatakan bahawa *Nation* merupakan sekumpulan bangsa yang hidup dalam satu wilayah yang bertutur dalam satu bahasa serta memiliki sifat-sifat politik atau bercita-cita untuk berpolitik.

Hans Kohn (1969:19.) mentakrifkan nasionalisme sebagai satu pemikiran kenegaraan yang melibatkan sejumlah majoriti penduduk yang mengenali negara-bangsa mereka sebagai satu bentuk organisasi politik yang menyifatkan kewarganegaraan sebagai sumber utama kepada semua budaya tenaga dan ekonomi manusia manakala kesetiaan padu kepada negara-bangsa adalah berdasarkan semangat kebangsaan demi kesejahteraan negaranya sendiri.





Nasionalisme juga boleh diertikan sebagai perasaan kecintaan yang mendalam bagi memelihara jati diri kebangsaan yang dapat dianggap sebagai satu ideologi sekumpulan manusia untuk memartabatkan kumpulan yang mereka anggotai. Justeru itu, Smith (1977: 89) berpendapat bahawa nasionalisme adalah satu gerakan bersifat ideologi dalam mencapai, mengimbangi dan mencari kebebasan untuk memerintah sendiri serta setiap ahli membayangkan kumpulannya berpotensi menjadi satu bangsa yang bermaruah.

Pandangan Smith ini diperjelaskan lagi oleh Ramlah Adam (1998:109) dalam konteks tempatan (Malaysia) yang menyifatkan nasionalisme sebagai satu gerakan yang berorientasikan kepentingan politik dalam menuju pembentukan satu identiti kebangsaan.



Dalam konteks kajian ini, pandangan Smith dan Ramlah agak relevan dengan penyelidikan yang dilakukan terhadap pemikiran politik yang terkandung dalam sampel kajian.

1.8.5 Asabiyyah

Konsep nasionalisme turut disamakan dengan konsep asabiyyah. Kedua-duanya seolah-olah mempunyai makna yang sama iaitu sentimen kasihkan tanah air (watan) yang wujud dalam diri manusia secara semula jadi. Tujuannya adalah lebih kepada semangat cintakan negara sendiri demi menjaga maruah dan mempertahankan bangsa serta mendapatkan kemerdekaan.





Ibn Khaldun, tokoh Islam terkenal berpendapat bahawa konsep *asabiyyah* adalah “pemeliharaan, pertahanan, tuntutan dan semua urusan yang disepakati.” (1983: 240). Menurut beliau konsep ini merupakan konsep yang penting dalam membangunkan negara, bangsa dan negara.

Walau bagaimanapun, nasionalisme bukanlah satu istilah yang digunakan dalam Fiqah Islam. Ia agak sukar menentukan halal-haramnya. Ternyata tidak semua nasionalisme serasi dengan Islam dan tidak semua nasionalisme bertentangan dengan Islam. Soal serasi atau tidaknya bergantung kepada erti dan isi nasionalisme pada sesuatu zaman dan sesuatu tempat (Siddiq Fadhil 1996). Justeru itu Abu Bakar Hamzah (1985) mencadangkan dua kaedah bagi memahami konsep nasionalisme dalam Islam iaitu:



1. Dalam apa jua perkara yang bukan ibadat maka hukum asalnya adalah harus melainkan yang ditegah.
2. Dalam apa jua perkara ibadah, maka hukumnya adalah haram melainkan apa jua yang diperintah.

Menurut beliau nasionalisme termasuk dalam bahagian pertama iaitu “harus hukumnya melainkan apa yang ditegah”. Apa yang ditegah atau diharamkan ialah sikap atau semangat *asabiyyah jahiliyah* yang membawa kepada berbunuh-bunuhan dan bermusuhan-musuhan semata-mata untuk kepentingan dan kemenangan kelompok sendiri dengan menzalimi kelompok yang lain pula.





Justeru itu, kedua-dua konsep (nasionalisme dan asabiyyah) tidak bertentangan dengan Islam selagi mana ia membawa kepada tujuan asalnya iaitu untuk kebaikan masyarakat tanpa mengadaikan prinsip keagamaan yang suci.

1.8.6 Antikolonialisme

Antikolonialisme adalah istilah jamak yang mengandungi dua aksara yang membentuk sebuah rangkai kata. Justeru perkataan *anti* kata awalan yang bermaksud melawan, membantahi, menentang, tidak menyetujui (*Kamus Dewan*, 1994: 55). Lantaran itu pengertian anti dirumuskan sebagai suatu tindak-tanduk yang bertentangan melalui cara fizikal mahupun *spritual* terhadap individu, organisasi atau objek yang kontradik sifatnya.



Sementara itu, kolonialisme pula bererti dasar atau amalan oleh sesebuah negara meluaskan penguasaannya ke atas sesebuah negara lain (*Kamus Dewan* 1994: 694). Hal ini dapat difahami secara jelas berdasarkan pandangan Abdul Rahman Abdullah (1987:31) yang menyebut bahawa kolonialisme boleh dikatakan sebagai “satu konsep mengenai penguasaan politik secara keseluruhan oleh kaum penjajah terhadap tanah jajahannya.” Secara umum maksud kolonialisme itu ialah tindakan penguasaan terhadap sistem politik, sosial dan ekonomi oleh penjajah ke atas sesebuah negara.

Daripada penjelasan tersebut, erti rangkai-kata antikolonialisme dapat digambarkan sebagai sikap individu atau kumpulan yang menentang atau memusuhi dasar atau amalan penjajah yang telah menjajah dan menguasai sesebuah negara.





Antikolonialisme dalam konteks kajian ini dilihat suatu tindakan menentang kuasa penjajah iaitu Inggeris (1874-1941) dan (1945-1957) serta Jepun (Disember 1941-Ogos 1945) yang pernah menguasai negara ini pada zaman lampau.

Dalam sejarah perkembangan novel-novel Melayu khususnya pada era pra dan pasca merdeka, tema antikolonialisme cukup diminati pengarang. Misalnya novel Ishak Haji Muhamad; *Putera Gunung Tahan* (1939) dan *Anak Mat Lela Gila* (1941) serta *Nyawa Di Hujung Pedang* (1946) karya Ahmad Murad Nasarudin adalah di antara novel Melayu yang amat tepu dengan mesej antikolonialisme.

1.8.7 Sosialisme

Sosialisme melibatkan soal sosiopolitik, budaya dan falsafah. Tetapi lebih dihubungkan dengan soal keadilan pengagihan nilai-nilai material. Landasan utama falsafah sosialisme ialah peranan penentu yang dimainkan oleh sistem pengagihan ekonomi dalam masyarakat (Syed Ahmad Hussein, 1994:114). Sosialisme dengan erti lainnya ialah mengutamakan kebajikan masyarakat daripada kebajikan orang perseorangan.

Idea sosialisme ini bermula dari zaman manusia mula bermasyarakat. Satu sistem sama rata, tanpa harta milik sendiri dan kehidupan berkelompok dan berkongsi (Syed Ahmad Hussein, 1994:116). Konsep tersebut menjelaskan bahawa idea sosialisme menganggap hak milik persendirian merupakan faktor utama ketidakadilan, kemiskinan dan mewujudkan penindasan oleh manusia terhadap manusia lainnya.





Justeru itu, sosialisme menganjurkan kepentingan negara itu adalah milik bersama terutama dari segi ekonomi. Contohnya, sistem ekonomi yang menindas perlu dihapuskan. Ini bermakna sosialisme menolak sistem ekonomi kapitalis yang mementingkan keuntungan kepada kaum pemodal dan mengabaikan kesejahteraan ekonomi rakyat atau pluralis.

Lantas idea sosialisme mencadangkan penghapusan sistem ekonomi politik yang mengutamakan kepentingan individu (elitis) dan kumpulan kecil yang berkepentingan (kronisme) bagi membasmikan penderitaan dan kemiskinan rakyat melalui satu rangka yang lebih sama rata dan berteraskan konsep perkongsian bersama.



Dalam konteks kajian, sosialisme dipancarkan oleh pengarang sebagai mendedahkan sistem ekonomipolitik alternatif yang dianggapnya mampu menyelesaikan masalah kemiskinan dalam kalangan rakyat marhaen.

1.8.8 Negara-bangsa

Konsep negara-bangsa adalah simbol kepada nasionalisme. Namun begitu bagi menjelaskan maksud negara-bangsa, takrifan Rustam A. Sani boleh dijadikan sandaran kefahaman bagi membicarakan pemikiran politik dalam konteks kajian ini. Menurut beliau bahawa negara bangsa ialah:

Pada asasnya, sebuah negara-bangsa adalah komuniti politik yang bersifat simbolis, dan dalam zaman moden komuniti politik itu seolah-olah dianggap satu-satunya komuniti politik yang lumrah. Para anggota atau warganya mengesahkan kewujudan komuniti itu, dan





keanggotaannya dalam komuniti itu, melalui ikatan hak dan tanggungjawab dengan wilayah kewibawaannya dan hubungan kesetiaan dengan simbol-simbol yang menjadi asas komuniti politik tersebut.

(Rustam A Sani, 1993: 6)

Selain itu, simbol-simbol yang menjadi asas komuniti politik yang dimaksudkan ialah pelbagai unsur sosial dan budaya adalah asas simbolis sesebuah negara-bangsa, asalkan simbol itu melambangkan kesepaduan bangsa dan leluhur sejarah (Rustam A Sani, 1993: 6).

Justeru itu simbol-simbol asas kesepaduan tersebut boleh jadi agama Islam yang asas pembentukan negara-bangsa Pakistan; kesatuan budaya bagi Indonesia; Yahudi (Israel) dan Maharaja-Bapa menjadi asas negara bangsa Jepun.



Berdasarkan pengertian di atas, pengkaji melihat kehadiran unsur-unsur negara-bangsa dalam konteks penyelidikan ini adalah pembentukan negara-bangsa Tanah Melayu atau Malaya diasaskan kepada kesepaduan pelbagai bangsa majoriti iaitu Melayu, Cina dan India. Kesepaduan bangsa ini yang dipanggil sebagai bangsa Malaya yang taat setia kepada watannya dapat membentuk sebuah negara Malaya merdeka.

1.8.9 Melayu Raya

Gagasan Melayu Raya merupakan idea politik penting dalam gerakan nasionalisme pada peringkat awal di Tanah Melayu. Konsep gagasan ini adalah bersandarkan sejarah keagungan bangsa Melayu dengan melihat sejarah keagungan empayar





Sriwijaya, Majapahit, Melaka dan kerajaan Melayu yang pernah wujud di Nusantara. Tujuannya adalah untuk membentuk sebuah negara-bangsa yang besar dan luas lagi berdaulat serta menjadikan bangsa Melayu mempunyai kawasan dan satu bangsa yang bermaruah. Skop kawasan Melayu Raya gugusan kepulauan Melayu termasuk Indonesia dan Filipina.

Idea ini tercetus sekitar tahun 1930-an di Sultan Idris Training College (SITC) Tanjong Malim, Perak yang ketika itu merupakan pusat kelahiran intelektual Melayu. Pengajar SITC seperti Abdul Hadi Haji Hassan dan Harun Muhammad Amin telah memperkenalkan idea Melayu Raya kepada para pelajar dan akhirnya cuba direalisasikan dalam bentuk perjuangan politik (Roslan Saadon 2009: 110). Kesan pengajaran sejarah oleh Abdul Hadi dan Harun di SITC itu, sejarawan Buyong Adil



mengakui bahawa:

“Pendeknya dari ajaran dan asuhan Cikgu Abdul Hadi di maktab itulah Ibrahim Haji Yaakob, Karim Rashid dan Hassan Manan seperti pelajar-pelajar lain mulai sedar akan fahaman kebangsaan Melayu yang akan mereka perjuangkan kerana hendak mencapai kemerdekaan bangsa dan tanah air” (Ramlah Adam 1991:85).

Konsep Melayu Raya ini terhasil akibat pengaliran pengaruh Indonesia ke dalam sistem pendidikan vernakular di SITC. Pengaruh ini terpapar di dalam mata pelajaran bahasa, kesusasteraan dan sejarah. Melalui mata pelajaran tersebut pengaruh intelek dan aktiviti politik di Indonesia dapat diketahui oleh para pelajar SITC dan kemudiannya membentuk idea Melayu Raya (Rustam A. Sani 1976:14).





Pada peringkat awal gagasan Melayu Raya lebih kepada cita-cita kebudayaan iaitu memperteguh keyakinan diri dan bangsa, namun dengan perkembangan politik yang tidak diduga iaitu tercetusnya peperangan, perjuangan menegakkan gagasan itu bertukar kepada perjuangan politik dan pembentukan negara-bangsa (Roslan Saadon 2009: 143-144).

Penubuhan Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) pada tahun 1945 oleh Ibrahim Haji Yaakob dan rakan-rakannya menyemarakkan konsep ini dengan meletakkan matlamat kemerdekaan Tanah Melayu bergabung dengan Indonesia (Buyong Adil 1985:249) tetapi Mustapha Hussain, salah seorang pengasas KMM menyebut bahawa KRIS juga bermaksud Kekuatan Rakyat Istimewa Semenanjung (Insun Sony Mustapha 1999:364) yang ditubuhkan untuk kemerdekaan Malaya.



Walau bagaimanapun penubuhan KRIS amat sinonim dengan gagasan Melayu Raya yang akhirnya melebarkan perjuangan politik orang Melayu kepada satu bentuk perjuangan nasionalisme Melayu ke arah kemerdekaan Tanah Melayu.

Pada tahun 1947 PKMM telah menerbitkan akhbar bernama Melayu Raya sebagai penyambung lidah gagasan tersebut (Roslan Saadon 2009: 194) dan diteruskan oleh Pengerusi PKMM, Dr Burhanuddin Al-Helmi sehingga menjadi falsafah perjuangan beliau iaitu untuk menegakkan kedaulatan gugusan kepulauan Melayu atau Melayu Raya. Beliau cuba memaparkan idea penyatuan alam Melayu dengan mendirikan empayar Melayu. Hasrat tersebut dipaparkan menerusi akhbar *Pelita Malaya* (5 April 1946), menurutnya;





“Bersatu itu adalah satu kekuatan kita. Dan apabila ada kekuatan kita akan berupaya membuat atau menghasilkan apa juga yang kita cita-citakan – menyeberang Selat Melaka, mengibar bendera merah putih, merdeka bahkan mendirikan semula empayar Melayu yang maha besar itu pun boleh dan tentu akan berhasil”.

Lantaran itu konsep Melayu Raya ini pernah diusulkannya dalam Parlimen Malaysia pada 1 Mei 1962 tetapi ditolak. Dalam ucapannya di Dewan Rakyat, Dr Burhanuddin menyebut sebagaimana berikut:

“Bahawa dewan ini mengambil ketetapan oleh kerana *Melayu Raya* itu pada dasarnya ialah gugusan pulau-pulau Melayu, hendaklah dimasukkan di dalam rancangan Melayu Raya itu, daerah-daerah Indonesia dan Filipina hendaklah Perdana Menteri membuat rundingan awal dengan pihak negara-negara Indonesia dan Filipina bagi mewujudkan kesatuan *Melayu Raya* itu.”



Salah satu konsep Melayu Raya ini adalah untuk menjadikan bangsa Melayu mempunyai satu kawasan dan satu bangsa yang dipandang berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain yang besar pada hari ini (W. Mohd Azam 1997: 102-103). Ia merupakan rentetan daripada perasaan cintakan tanah air dan bangsa (*nationality*) bagi memelihara watan agar tidak diperkotak-katikkan oleh penjajah.

Kewujudan Melayu Raya bolehlah ditafsirkan sebagai usaha menjadikan bangsa Melayu itu kuat dan bersatu di dalam sebuah negara Melayu yang besar jumlah penduduknya dan luas kawasan negaranya kerana penduduk Indonesia dan Filipina adalah sebahagian daripada rumpun Melayu. Jikalau dalam sebuah negara





yang besar akan menyatu-padukan ummah Melayu yang telah berpecah akibat penjajahan.

Malahan ia dilihat sebagai satu lagi usaha Dr Burhanuddin untuk merealisasikan konsep *nationality* iaitu kekuatan bangsa akan mengukuhkan lagi perkembangan agama Islam kerana majoriti Melayu adalah beragama Islam tetapi malangnya, konsep Melayu Raya tidak menjadi kenyataan walaupun strateginya sebelum ini melalui KRIS pada tahun 1945 juga menemui kegagalan.

1.8.10 Demokrasi

Istilah demokrasi berasal dari dua perkataan bahasa Greek iaitu “demos” yang bererti rakyat manakala “kratia” bermaksud pemerintah. Jikalau digabungkan dua perkataan tersebut; “demokratia” memberikan pengertian ‘pemerintahan rakyat’ (Mustafa dan Afifi 2006: 179).

Makna demokrasi secara umumnya ialah sebagai kerajaan untuk rakyat oleh rakyat sebagaimana yang disebut oleh Abraham Lincoln. Mengikut Prof. Dicey, “*democracy is a form of government in which the governing body is a comparatively large fraction of the entire nation*” manakala Gettell berpendapat, “*democracy is that form of government in which the mass of the population possesses the right to share in the exercise of sovereign power* (V.D Mahajan 2003: 794).

Dalam kefahaman mudah, demokrasi adalah sebuah sistem pemerintahan bernegara dan rakyat mengambil bahagian di dalamnya menerusi perwakilan yang





dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya. Contohnya, Malaysia yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

1.9 Kesimpulan

Bab ini mengulas tentang pengenalan kajian, pernyataan masalah, kepentingan, objektif, batasan kajian, profil sampel serta definisi istilah dan konsep disusun mengikut kronologi penyelidikan bagi menggambarkan keseluruhan topik disertasi ini.

Objektif kajian yang memusatkan empat skop utama iaitu menganalisis pemikiran politik dalam karya-karya Dr Burhanuddin sebagai cerminan ketinggian intelektual orang Melayu dalam bidang siasah di samping menilai pemikiran politik beliau agar dapat dijadikan panduan atau *role model* dalam pembaikan atau melengkapkan sistem pemerintahan kontemporari di Malaysia.

Dalam pada itu, hasil kajian ini dapat mengangkat pemikiran politik tersebut ke *status* selayaknya di samping menonjolkan Dr Burhanuddin sebagai tokoh politik berjiwa Melayu yang sekali gus pemikir politik Islam yang harus mendapat pengiktirafan daripada generasi sekarang.

Hal ini kerana idea politik beliau sebelum ini tidak dapat diterima oleh kerajaan yang baru dibentuk selepas merdeka. Kerajaan yang memerintah di Persekutuan Tanah Melayu (kemudian Malaysia) adalah kerajaan yang diwakili pemimpin dan parti politik yang menerima pendidikan sekular yang dibawa penjajah





Barat, seperti Tunku Abdul Rahman melalui *United Malays' National Organization* (UMNO) (Muzammil 2003:8)

Parti tersebut merupakan parti warisan penjajah. UMNO misalnya, berkerjasama dengan penjajah dalam menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Disebabkan faktor ini, Dr Burhanuddin digelarkan oleh para pengkaji dan sejarawan sebagai pemimpin berhaluan kiri dan agak radikal kerana pemikiran dan perjuangannya tidak sehaluan dengan kolonialisme yang dibawa oleh penjajah.

